



LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA TAHUN 2013

Aktiviti Jabatan/Agensi Dan
Pengurusan Syarikat Kerajaan
NEGERI KEDAH

SIRI 3



JABATAN AUDIT NEGARA MALAYSIA



LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA TAHUN 2013

Aktiviti Jabatan/Agensi
Dan Pengurusan Syarikat Kerajaan
NEGERI KEDAH

SIRI 3

JABATAN AUDIT NEGARA
MALAYSIA



KANDUNGAN

KANDUNGAN

PERKARA	MUKA SURAT
KATA PENDAHULUAN	vii
INTISARI LAPORAN	xi
AKTIVITI JABATAN/AGENSI DAN PENGURUSAN SYARIKAT KERAJAAN NEGERI	
JABATAN PERTANIAN NEGERI KEDAH Program Pembangunan Pemprosesan Makanan	3
MAJLIS AGAMA ISLAM NEGERI KEDAH Pengurusan Sewaan Hartanah Wakaf	16
PERBADANAN SETIAUSAHA KERAJAAN (SSI) Institut Pengurusan Dan Integriti Negeri Kedah Sdn. Bhd.	24
PERBADANAN KEMAJUAN NEGERI KEDAH Kedah Information Technology Sdn. Bhd.	40
PENUTUP	61




KATA PENDAHULUAN

KATA PENDAHULUAN

1. Perkara 106 Perlembagaan Persekutuan dan Akta Audit 1957 menghendaki Ketua Audit Negara mengaudit Penyata Kewangan Kerajaan Negeri, Pengurusan Kewangan dan Aktiviti Jabatan/Agensi Negeri. Seksyen 5(1)(d) Akta Audit 1957 serta Perintah Audit (Akaun Syarikat) 2013 pula memberi kuasa kepada Ketua Audit Negara untuk mengaudit sesebuah syarikat yang didaftarkan di bawah Akta Syarikat 1965 yang menerima geran/pinjaman/jaminan daripada Kerajaan Persekutuan atau Kerajaan Negeri dan sesebuah syarikat di mana lebih daripada 50% modal saham berbayar dipegang oleh Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Negeri atau Agensi Kerajaan Negeri. Manakala Perkara 107, Perlembagaan Persekutuan menghendaki Ketua Audit Negara mengemukakan laporan hasil pengauditan kepada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dan Duli Yang Maha Mulia Sultan Kedah Darul Aman. Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong akan menitahkan Laporan Ketua Audit Negara untuk dibentangkan di Parlimen manakala Duli Yang Maha Mulia Sultan Kedah Darul Aman menitahkan untuk membentangkan Laporan Ketua Audit Negara di Dewan Undangan Negeri Kedah.
2. Pada tahun 2014 Jabatan Audit Negara akan meneruskan pelaksanaan inisiatif di bawah GTP2.0: NKRA Antirasuah dengan mengemukakan Laporan Ketua Audit Negara mengenai Aktiviti Jabatan/Agensi Dan Pengurusan Syarikat Kerajaan Negeri untuk dibentangkan di Parlimen/Dewan Undangan Negeri setiap kali sesi Parlimen/Dewan Undangan Negeri bersidang. Jabatan Audit Negara juga akan terus menyokong Dasar Transformasi Negara dan terus membantu Jabatan/Agensi Kerajaan melakukan penambahbaikan bagi meningkatkan kesejahteraan rakyat dengan memberikan pandangan serta syor melalui pengauditan yang dijalankan. Saya berharap laporan mengenai pelaksanaan Aktiviti Jabatan/Agensi Dan Pengurusan Syarikat Kerajaan Negeri Kedah Tahun 2013 Siri 3 ini akan digunakan sebagai asas untuk memperbaiki segala kelemahan, memantapkan usaha penambahbaikan, meningkatkan akauntabiliti dan integriti serta mendapat *value for money* bagi setiap perbelanjaan yang dibuat sepertimana yang dihasratkan oleh Kerajaan.
3. Laporan saya ini adalah hasil daripada pengauditan yang dijalankan terhadap aktiviti-aktiviti tertentu yang dilaksanakan oleh 2 Jabatan dan 2 Syarikat Kerajaan Negeri. Pengauditan terhadap aktiviti Jabatan/Agensi Negeri adalah untuk menilai sama ada program dan aktiviti yang dirancang telah dilaksanakan dengan jayanya mengikut tempoh yang ditetapkan, tiada pembaziran dan mencapai matlamatnya. Manakala pengauditan terhadap pengurusan syarikat adalah untuk menilai sama ada prestasi kewangan sesebuah syarikat adalah baik, pengurusan aktiviti dan kewangan syarikat serta tadbir urus korporat telah dilaksanakan dengan teratur dan selaras dengan peraturan yang ditetapkan serta mencapai objektif penubuhannya.

4. Pemerhatian Audit daripada pengauditan tersebut telah dikemukakan kepada Ketua Jabatan/Agensi/Syarikat Kerajaan Negeri berkenaan. Hanya penemuan Audit yang penting sahaja yang dilaporkan dalam Laporan ini. Laporan berkenaan juga telah dikemukakan kepada Pejabat Menteri Besar/Setiausaha Kerajaan Negeri Kedah. Bagi menambah baik kelemahan yang dibangkitkan atau bagi mengelakkan kelemahan yang sama berulang, saya telah mengemukakan sebanyak 10 syor untuk diambil tindakan oleh Ketua Jabatan/Agensi/Syarikat Kerajaan Negeri berkenaan.

5. Saya ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada semua pegawai Jabatan/Agensi dan Syarikat Kerajaan Negeri Kedah yang telah memberikan kerjasama kepada pegawai saya sepanjang pengauditan dijalankan. Saya juga ingin melahirkan penghargaan dan terima kasih kepada semua pegawai saya yang telah berusaha gigih serta memberikan sepenuh komitmen untuk menyiapkan laporan ini.



(TAN SRI DATO' SETIA HAJI AMBRIN BIN BUANG)

Ketua Audit Negara

Malaysia

Putrajaya

14 September 2014



INTISARI LAPORAN

AKTIVITI JABATAN/AGENSI DAN PENGURUSAN SYARIKAT KERAJAAN NEGERI

1. JABATAN PERTANIAN NEGERI KEDAH

- Program Pembangunan Pemprosesan Makanan

1.1. Jabatan Pertanian Negeri Kedah (Jabatan) bertanggungjawab terhadap pembangunan aktiviti pertanian di Negeri Kedah. Fungsi Jabatan adalah memberi perkhidmatan perundingan, sokongan teknikal dan khidmat nasihat yang profesional dalam pelbagai bidang pertanian khususnya tanaman makanan dan industri hiliran bagi memastikan pengeluaran makanan yang mencukupi untuk keperluan negara. Dalam Rancangan Malaysia Ke Sepuluh (RMKe-10), Program Pembangunan Industri Hiliran telah diperkukuhkan kepada Program Pembangunan Industri Asas Tani (Industri Asas Tani). Program Pembangunan Industri Asas Tani berasaskan makanan adalah tertumpu kepada pembangunan Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) dan usahawan mikro khususnya dalam penambahan nilai produk berasaskan tanaman, perikanan, ternakan, produk berasaskan tepung dan bijirin yang diimport.

1.2. Pengauditan yang dijalankan pada bulan Mac hingga Jun 2014 mendapati secara keseluruhannya, program pembangunan pemprosesan makanan adalah memuaskan kerana berjaya meningkatkan jumlah peserta berpendapatan bersih melebihi RM1,000 sebulan. Selain itu, program *Agro Village* untuk memasarkan produk usahawan telah berjaya mencapai matlamat yang disasarkan oleh pihak Jabatan. Sungguhpun begitu, terdapat beberapa kelemahan dari segi pengurusan program dan penggunaan peralatan yang memerlukan tindakan penambahbaikan diambil dengan segera. Antara kelemahan yang diperhatikan adalah seperti berikut:

- Zon Pemprosesan Makanan gagal beroperasi sepenuhnya.
- Perolehan peralatan tidak mengikut peraturan.
- Peralatan yang dibeli tidak diagihkan.
- Peralatan yang dibekalkan tidak digunakan.
- Perjanjian pinjaman peralatan tidak ditandatangani.
- Pengubahsuaian bangunan dan pembelian peralatan melebihi RM100,000
- Pemantauan program tidak dilaksanakan secara berkala.

1.3. Bagi mempertingkatkan lagi program pembangunan pemprosesan makanan, adalah disyorkan Jabatan Pertanian Negeri Kedah mengambil langkah-langkah penambahbaikan seperti berikut:

1.3.1. Membuat perancangan yang teliti dari segi pemilihan usahawan bimbingan Jabatan yang berpotensi dan membuat perancangan strategik bagi memastikan Zon Pemprosesan Makanan mengikut dasar dan peraturan Jabatan yang telah ditetapkan.

1.3.2. Melaksanakan perolehan peralatan mengikut peraturan yang berkuat kuasa untuk mengelakkan pembaziran dan penyelewengan. Siasatan perlu dijalankan dan tindakan sewajarnya diambil terhadap pihak yang bertanggungjawab bagi memastikan perkara ini tidak berulang.

1.3.3. Memastikan semua usahawan menandatangani surat aku janji atau perjanjian dengan Jabatan untuk membolehkan denda dikenakan atau peralatan ditarik balik terhadap usahawan yang gagal mematuhi peraturan dan syarat perjanjian. Selain itu, pemantauan secara berkala dan berterusan dilakukan bagi memastikan perancangan program dilaksanakan sepenuhnya.

2. MAJLIS AGAMA ISLAM NEGERI KEDAH

- Pengurusan Sewaan Hartanah Wakaf

2.1. Mengikut Seksyen 52 Enakmen Pentadbiran Undang-undang Islam (Kedah Darul Aman) 2008, Majlis Agama Islam Negeri Kedah (MAIK) adalah merupakan pemegang amanah tunggal bagi mengurus semua jenis wakaf sama ada wakaf am atau khas untuk memberi faedah kepada orang Islam. Bahagian Wakaf MAIK dipertanggungjawab untuk mengurus, mentadbir serta membangunkan harta-harta wakaf di Negeri Kedah mengikut tujuan wakaf yang telah ditetapkan selaras dengan hukum syarak. Mulai tahun 2002, Syarikat Pengurusan Izzah Sdn. Bhd. (Syarikat) yang dimiliki sepenuhnya oleh MAIK ditubuhkan bagi menguruskan kutipan sewaan hartanah wakaf seperti mengeluarkan notis pembayaran sewa bulanan, membuat kutipan sewaan, menyediakan Laporan Hasil dan Tunggakan Sewaan dan notis tunggakan kepada semua penyewa. Syarikat ini ditadbir oleh 5 orang Ahli Lembaga Pengarah dan seorang Pengurus. Sebanyak 5% caj khidmat pengurusan dikenakan kepada MAIK bagi kutipan sewaan yang dibuat. Bagi tahun 2013, Syarikat dibayar sejumlah RM0.04 juta bagi kutipan sewaan semasa dan tunggakan yang berjaya dikutip.

2.2. Pengauditan yang dijalankan antara bulan Mac hingga Jun 2014 mendapati secara keseluruhannya pengurusan sewaan hartanah wakaf adalah baik kerana pendapatan kutipan sewaan hartanah wakaf telah meningkat bagi tahun 2011 hingga 2013, kadar sewaan hartanah wakaf disemak dari semasa ke semasa dan MAIK telah berusaha di dalam mendapatkan tunggakan sewa menerusi tindakan mahkamah terhadap penyewa yang ingkar. Pengurusan sewaan masih boleh ditingkatkan sekiranya dapat mengatasi kelemahan yang dijelaskan dalam perenggan berikut:

- Baki tunggakan sewaan semakin meningkat.
- Tanah wakaf berpotensi tidak disewakan.

2.3. Bagi memperbaiki perkara-perkara yang dibangkitkan dalam laporan ini dan memastikan tanggungjawab MAIK tercapai, adalah disyorkan supaya MAIK memberi pertimbangan terhadap perkara berikut:

2.3.1. Meningkatkan usaha bagi mengurangkan tunggakan sewa, meningkatkan kutipan bagi tunggakan dan mengenal pasti hartanah wakaf yang berpotensi disewakan supaya dapat menjana hasil kepada MAIK.

2.3.2. Mewujudkan Unit Penguatkuasaan bagi melaksanakan tugas-tugas penguatkuasaan terhadap aktiviti yang dilaksanakan di atas tanah wakaf tanpa kebenaran MAIK.

3. PERBADANAN SETIAUSAHA KERAJAAN (SSI)

- Institut Pengurusan Dan Integriti Negeri Kedah Sdn. Bhd.

3.1. Institut Pengurusan Dan Integriti Negeri Kedah Sdn. Bhd. (INSPIN) atau sebelum ini dikenali dengan nama Institut Pengurusan Kedah (KIM) telah ditubuhkan pada 29 Ogos 1999 dengan modal dibenarkan berjumlah RM1 juta dan modal berbayar berjumlah RM0.5 juta. INSPIN merupakan sebuah syarikat milik penuh Kerajaan Negeri Kedah Darul Aman di bawah Perbadanan Setiausaha Kerajaan (SSI). Pada bulan Mei 2006, KIM telah diperkembangkan dengan program integriti dan namanya telah ditukarkan kepada Institut Pengurusan Dan Integriti Negeri Kedah Sdn. Bhd. (INSPIN). Aktiviti utama INSPIN adalah sebagai pusat pembelajaran dan latihan bagi kakitangan Kerajaan dan bukan Kerajaan. INSPIN menganjurkan pelbagai kursus iaitu wajib perkhidmatan, terbuka, khusus, kerjasama dengan Agensi/Jabatan, program profesional dan program ijazah lanjutan. Bagi tahun 2011 hingga 2013 INSPIN telah menganjurkan 535 kursus dengan penyertaan seramai 30,580 peserta dan memperoleh pendapatan sejumlah RM8 juta.

3.2. Pengauditan yang dijalankan antara bulan Mac hingga Jun 2014 mendapati pada keseluruhannya prestasi kewangan, pengurusan aktiviti dan tadbir urus korporat INSPIN adalah memuaskan. Bagaimanapun, terdapat beberapa kelemahan dalam pengurusan aktiviti INSPIN seperti yang diringkaskan dan dijelaskan dalam perenggan berikut:

- Bilangan kursus yang dianjurkan tidak mencapai sasaran yang ditetapkan.
- Kemudahan pembelajaran dan seminar tidak digunakan sepenuhnya.
- Penyenggaraan Dewan Sultanah Bahiyah adalah tidak memuaskan.

3.3. Bagi memastikan objektif penubuhan INSPIN mendapat *value for money*, beberapa aspek pengurusan syarikat perlu diperkembangkan dengan memberi pertimbangan kepada syor-syor berikut:

3.3.1. Ahli Lembaga Pengarah INSPIN hendaklah memantau dan memastikan prestasi kewangan terus berkembang dan memperoleh keuntungan. Disamping itu, INSPIN

hendaklah memperkemaskan dan mengamalkan tadbir urus korporat syarikat dengan menjadikan Pekeliling Kerajaan dan Kod Tadbir Urus Korporat Malaysia sebagai amalan terbaik.

3.3.2. Meneruskan usaha mempelbagaikan kursus-kursus yang ditawarkan dan menguruskan kemudahan dengan lebih teratur bagi memastikan penggunaannya adalah optimum dan dapat memberi pulangan kepada syarikat.

3.3.3. INSPIN hendaklah mengemukakan cadangan kepada Kerajaan Negeri agar dapat mempertimbangkan latihan di peringkat Jabatan/Agensi Negeri dilaksanakan melalui kerjasama dengan INSPIN.

4. PERBADANAN KEMAJUAN NEGERI KEDAH **- Kedah Information Technology Sdn. Bhd.**

4.1. Kedah-ISR Technology Sdn. Bhd. ditubuhkan pada 6 April 1995 di bawah Akta Syarikat 1965. Ia merupakan syarikat milik penuh Kulim Technology Park Corporation Sdn. Bhd. dengan modal dibenarkan RM10 juta dan modal berbayar RM1 juta. Syarikat ini berstatus dormant daripada tahun 1996 hingga tahun 2008. Pada 3 Februari 2009, syarikat telah menukar nama kepada Kedah Information Technology Sdn.Bhd. (Kedah-IT). Visi utama Kedah-IT adalah menjadi pilihan utama sektor awam dan sektor swasta bagi Teknologi Maklumat dan Komunikasi (ICT). Manakala misi Kedah-IT menyediakan perkhidmatan ICT yang berkualiti untuk pelanggan dan komited dalam pembangunan komuniti di Negeri Kedah melalui kesedaran pendidikan ICT.

4.2. Aktiviti utama Kedah-IT adalah Pembangunan Perisian (*Software Solution and Consultation*), *One Stop Agency* (OSA) menara telekomunikasi dan Program Pelan Halatuju ICT Kedah (*Kedah ICT Blueprint*). Pada 14 Jun 2011, Kedah-IT dilantik oleh Kerajaan Negeri sebagai OSA pembinaan menara telekomunikasi dan audit keselamatan menara telekomunikasi Negeri Kedah Darul Aman. Peranan utama OSA menara telekomunikasi adalah bertanggungjawab bagi mengurus hal berkaitan permohonan baru menara dan struktur telekomunikasi (*new tower submission*), kerja-kerja pembaharuan permit tahunan (*permit renewal*) dan menjalankan pengauditan keselamatan menara (*safety audit tower*).

4.3. Pengauditan yang dijalankan dari bulan Februari sehingga Jun 2014 mendapati secara keseluruhannya, prestasi kewangan Kedah-IT bagi tahun 2011 hingga 2013 adalah kurang memuaskan kerana syarikat mencatatkan kerugian bersih selepas cukai pada tahun 2011 berjumlah RM316,036. Pada tahun 2012 dan 2013, syarikat telah mencatatkan keuntungan bersih selepas cukai masing-masing berjumlah RM368,603 dan RM5,677. Pengurusan aktiviti adalah kurang memuaskan kerana prestasi pendapatan dan keuntungan dari penjualan perisian tidak tercapai. Walau bagaimanapun, tadbir urus korporat dan pengurusan kewangan Kedah-IT adalah baik dan boleh dipertingkatkan. Di samping itu, perkara yang perlu diberi perhatian dan penambahbaikan adalah seperti berikut:

- Menara beroperasi tanpa kelulusan Pihak Berkuasa Tempatan.
- Pembinaan menara telekomunikasi tanpa kelulusan Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia.

4.4. Bagi mempertingkatkan prestasi kewangan, pengurusan aktiviti, pengurusan kewangan dan tadbir urus korporat syarikat, Kedah Information Technology Sdn. Bhd. (Kedah-IT) disyor mengambil tindakan seperti berikut:

4.4.1. Kedah-IT hendaklah memperkukuhkan prestasi kewangan dengan menjalankan promosi lebih agresif di bidang pemasaran produknya.

4.4.2. Memperkemaskan tadbir urus korporat syarikat dengan menjadikan Kod Tadbir Urus Korporat Malaysia sebagai amalan terbaik bagi menjaga kepentingan Kedah-IT dan Perbadanan Kemajuan Negeri Kedah serta menyediakan Rancangan Korporat berserta petunjuk prestasi utama sebagai panduan ke arah pencapaian objektif dan penetapan hala tuju syarikat.



AKTIVITI JABATAN/AGENSI DAN PENGURUSAN SYARIKAT KERAJAAN NEGERI

JABATAN PERTANIAN NEGERI KEDAH

1. PROGRAM PEMBANGUNAN PEMROSESAN MAKANAN

1.1. LATAR BELAKANG

1.1.1. Jabatan Pertanian Negeri Kedah (Jabatan) bertanggungjawab terhadap pembangunan aktiviti pertanian di Negeri Kedah. Fungsi Jabatan adalah memberi perkhidmatan perundingan, sokongan teknikal dan khidmat nasihat yang profesional dalam pelbagai bidang pertanian khususnya tanaman makanan dan industri hiliran bagi memastikan pengeluaran makanan yang mencukupi untuk keperluan negara. Dalam Rancangan Malaysia Ke Sepuluh (RMKe-10), Program Pembangunan Industri Hiliran telah diperkukuhkan kepada Program Pembangunan Industri Asas Tani (Industri Asas Tani). Program Pembangunan Industri Asas Tani berasaskan makanan adalah tertumpu kepada pembangunan Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) dan usahawan mikro khususnya dalam penambahan nilai produk berasaskan tanaman, perikanan, ternakan, produk berasaskan tepung dan bijirin yang diimport.

1.1.2. Program pemprosesan makanan merupakan sebahagian daripada aktiviti Industri Asas Tani. Ia bertujuan membantu meningkatkan bilangan usahawan di bawah bimbingan Jabatan untuk mendapatkan pendapatan bulanan bersih melebihi RM1,000. Usaha ini dilaksanakan dengan menyediakan peralatan dan mesin untuk meningkatkan produktiviti pengeluaran dan kualiti produk. Sehingga tahun 2013, terdapat 744 usahawan asas tani berdaftar dengan Jabatan yang mengusahakan produk-produk seperti kuih tradisional, makanan ringan, sos, jeruk buah-buahan, makanan sejuk beku, minuman dan produk pemprosesan hasil pertanian untuk nilai tambah seperti di **Jadual 1.1**.

Jadual 1.1

Bilangan Usahawan Asas Tani Mengikut Daerah

Bil.	Daerah	Bilangan Usahawan
1.	Daerah Kuala Muda	206
2.	Daerah Kulim	93
3.	Daerah Sik	91
4.	Daerah Langkawi	68
5.	Daerah Baling	62
6.	Daerah Bandar Baharu	51
7.	Daerah Pendang	46
8.	Daerah Pokok Sena	42
9.	Daerah Kubang Pasu	33
10.	Daerah Padang Terap	32
11.	Daerah Yan	20
Jumlah		744

Sumber: Rekod Jabatan Pertanian Negeri Kedah

Nota: Daerah Kota Setar Di Bawah Seliaan MADA

1.1.3. Bagi tempoh 2010 hingga 2013, sejumlah RM4.37 juta peruntukan kewangan telah diterima daripada Kerajaan Negeri. Daripada jumlah tersebut sejumlah RM4.1 juta atau 94% telah dibelanjakan seperti di **Jadual 1.2**.

Jadual 1.2

Peruntukan dan Perbelanjaan Bagi Tahun 2010 sehingga 2013

Tahun	Peruntukan (RM)	Perbelanjaan (RM)	Baki (RM)	Perbelanjaan Peratus (%)
2010	1,050,000	1,045,301	4,698	99.6
2011	1,100,000	964,649	135,351	87.7
2012	1,200,000	1,109,272	90,728	92.4
2013	1,016,550	984,576	31,973	96.6
Jumlah	4,366,550	4,103,798	262,752	94.0

Sumber: Jabatan Pertanian Negeri Kedah

1.2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Pengauditan ini dijalankan untuk menilai sama ada program pembangunan pemprosesan makanan telah diuruskan dengan teratur, cekap dan berkesan serta mencapai matlamatnya.

1.3. SKOP DAN METODOLOGI PENGAUDITAN

Pengauditan yang dijalankan adalah meliputi aspek perancangan dan pelaksanaan aktiviti pemprosesan makanan bagi tahun 2010 hingga 2013. Semakan Audit terhadap fail, rekod dan dokumen berkaitan di Bahagian Industri Asas Tani, Jabatan Pertanian Negeri Kedah. Selain itu, lawatan ke lokasi bagi meninjau pelaksanaan Zon Pemprosesan Makanan di Daerah Kuala Muda dan Baling telah dijalankan. Temu bual juga telah dijalankan dengan pegawai Industri Asas Tani, pegawai pembimbing dan usahawan terpilih bagi mendapat maklumat lanjut.

1.4. PENEMUAN AUDIT

Pengauditan yang dijalankan pada bulan Mac hingga Jun 2014 mendapati secara keseluruhannya, program pembangunan pemprosesan makanan adalah memuaskan kerana berjaya meningkatkan jumlah peserta berpendapatan bersih melebihi RM1,000 sebulan. Selain itu, program *Agro Village* untuk memasarkan produk usahawan telah berjaya mencapai matlamat yang disasarkan oleh pihak Jabatan. Sungguhpun begitu, terdapat beberapa kelemahan dari segi pengurusan program dan penggunaan peralatan yang memerlukan tindakan penambahbaikan diambil dengan segera. Antara kelemahan yang diperhatikan adalah seperti di perenggan-perenggan berikut:

- Zon Pemprosesan Makanan gagal beroperasi sepenuhnya.
- Perolehan peralatan tidak mengikut peraturan.
- Peralatan yang dibeli tidak diagihkan.
- Peralatan yang dibekalkan tidak digunakan.

- Perjanjian pinjaman peralatan tidak ditandatangani.
- Pengubahsuaian bangunan dan pembelian peralatan melebihi RM100,000
- Pemantauan program tidak dilaksanakan secara berkala.

1.4.1. Prestasi Program

1.4.1.1. Pendapatan Usahawan Melebihi Pendapatan Yang Disasarkan

Program pembangunan pemprosesan makanan dilaksanakan bertujuan membantu meningkatkan bilangan usahawan yang pendapatan bersih bulanan melebihi RM1,000. Semakan Audit terhadap rekod Sistem AgriS GeoPortal mendapati 32 atau 72.7% usahawan di Daerah Baling dan 137 atau 100% usahawan di Daerah Kuala Muda telah berjaya mencapai sasaran dengan memperolehi pendapatan bersih sebulan melebihi RM1,000 seperti di **Jadual 1.3. Mengikut maklum balas Jabatan bertarikh 21 Julai 2014, Jabatan sedang dalam peringkat menaik taraf tahap usahawan dan kemudahan pemprosesan makanan bagi mematuhi Skim Pensijilan Makanan Selamat Tanggungjawab Industri (MeSTI) dan Halal.**

Jadual 1.3

Usahawan Berpendapatan Bersih Melebihi RM1,000 sebulan

Bil	Daerah	Jumlah Usahawan	Pendapatan Bulanan Kurang RM1,000	Pendapatan Bulanan Lebih RM1,000	Peratus (%)
1.	Kuala Muda	137	0	137	100
2.	Kulim	73	21	52	71.2
3.	Sik	76	20	56	73.7
4.	Langkawi	31	11	20	64.5
5.	Baling	44	12	32	72.7
6.	Bandar Baharu	44	20	24	54.6
7.	Pendang	35	6	29	82.9
8.	Pokok Sena	12	0	12	100
9.	Kubang Pasu	33	0	33	100
10.	Padang Terap	25	5	20	80.0
11.	Yan	20	0	20	100
Jumlah		530	95	435	81.8

Sumber: Jabatan Pertanian Negeri Kedah

Pada pendapat Audit, prestasi program pemprosesan makanan telah berjaya meningkatkan pendapatan bersih usahawan melebihi RM1,000 sebulan.

1.4.2. Pelaksanaan Program

1.4.2.1. Pusat Jualan Produk Industri Asas Tani (*Agro Village*) Mencapai Sasaran Yang Ditetapkan

Pada tahun 2010, Jabatan menggunakan khemah sementara di kawasan Rehat dan Rawat (RnR) Gurun, Kedah sebagai pusat jualan bertujuan untuk mempromosi dan memasarkan produk usahawan bimbingan Jabatan. Ini kerana, sebahagian usahawan

Industri Asas Tani tidak mampu untuk mengadakan promosi dan memasarkan produk mereka di pasar raya besar seperti Giant, Tesco dan Mydin disebabkan oleh kos yang tinggi. Pada pertengahan tahun 2012, permohonan telah dibuat kepada pihak PLUS untuk mewujudkan pusat jualan tetap di kedua-dua kawasan Rehat dan Rawat Gurun arah Utara dan Selatan. Permohonan telah diluluskan dan kerja-kerja menaik taraf pusat jualan tetap telah dimulakan pada November 2012. Pusat jualan ini yang diberi nama *Agro Village*, telah mula beroperasi sepenuhnya pada bulan April 2013 dengan penampilan baru yang mengutamakan keselesaan dan mesra pelanggan seperti di **Gambar 1.1** dan **Gambar 1.2**. Pemeriksaan Audit mendapati pusat jualan produk telah berjaya mencatat jualan yang memberangsangkan iaitu RM901,809 pada tahun 2011 dan RM975,939 pada tahun 2012. Konsep ini berjaya kerana lokasi yang strategik dan capaian terus kepada pengguna yang berkesan. Pemeriksaan Audit juga mendapati 65% daripada produk yang dijual merupakan produk usahawan bimbingan Jabatan.

Gambar 1.1
Khemah Sementara Sebelum Agro Village



Sumber: Jabatan Pertanian Negeri Kedah
Lokasi: Kawasan RnR Gurun Arah Utara
Tarikh: 23 Mac 2011

Gambar 1.2
Agro Village Yang Telah Beroperasi



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Kawasan RnR Gurun Arah Utara
Tarikh: 5 Mac 2014

1.4.2.2. Zon Pemprosesan Makanan Gagal Beroperasi Sepenuhnya

Mengikut Garis Panduan Pelaksanaan Program Pembangunan Industri Asas Tani, Zon Pemprosesan Makanan merupakan satu kawasan untuk menempatkan usahawan yang terpilih dan berpotensi untuk dimajukan yang terletak di kawasan yang strategik, mudah untuk memasarkan produk-produk yang dikeluarkan dan mempunyai kemudahan asas yang mencukupi. Setiap zon ditetapkan mempunyai di antara 5 hingga 10 ruang perniagaan bagi menjalankan aktiviti pemprosesan, pengumpulan, pengedaran dan jualan produk makanan. Jabatan telah mewujudkan Zon Pemprosesan Makanan Kuala Muda yang menempatkan 6 usahawan untuk menjalankan pengeluaran produk mulai tahun 2011. Manakala di Zon Pemprosesan Makanan Baling sebanyak 5 usahawan telah dipilih untuk menjalankan pengeluaran produk pada tahun 2012. Bagaimanapun semakan Audit mendapati hanya 2 usahawan masih menjalankan operasi di Zon Pemprosesan Makanan masing-masing 1 usahawan di Daerah Kuala Muda dan Baling. Semakan Audit selanjutnya mendapati perkara seperti berikut:

a. Pemilihan Usahawan Tidak Menepati Syarat Yang Ditetapkan

Pemilihan usahawan untuk memasuki Zon Pemprosesan Makanan adalah melalui proses temu duga yang dilakukan oleh pihak Jabatan bagi menentukan hanya usahawan yang layak, memenuhi syarat yang ditetapkan dan berpotensi sahaja dipilih. Antara syarat yang ditetapkan oleh Jabatan, setiap usahawan yang memohon memasuki Zon Pemprosesan Makanan hendaklah merupakan warganegara Malaysia, berumur antara 20 hingga 65 tahun, mempunyai perniagaan atau syarikat berdaftar, pernah mengikuti kursus anjuran Jabatan, telah menjalankan perusahaan dan berminat menjadi usahawan Industri Asas Tani sepenuh masa. Sebanyak 18 permohonan telah diterima untuk dipilih bagi mengisi 6 kekosongan ruang perniagaan di Zon Pemprosesan Makanan di Daerah Kuala Muda. Semakan Audit mendapati hanya 1 daripada 6 usahawan yang terpilih merupakan usahawan bimbingan Jabatan manakala 4 usahawan yang dipilih tidak melalui proses temuduga. Ini menyebabkan 3 usahawan bimbingan yang telah memperolehi pengiktirafan Halal, MeSTI (Makanan Selamat Tanggungjawab Industri) dan HACCP (*Hazard Analysis and Critical Control Point*) tidak berpeluang untuk mengembangkan aktiviti perniagaan di zon tersebut. **Mengikut maklum balas Jabatan bertarikh 21 Julai 2014, pemilihan peserta dimuktamadkan oleh Pengarah Pertanian Negeri. Proses pemilihan peserta Zon Pemprosesan Makanan dibuat melalui iklan terbuka kepada usahawan berpotensi di seluruh Negeri Kedah dan tidak mensyaratkan kepada usahawan bimbingan Jabatan Pertanian sahaja.**

b. Zon Pemprosesan Makanan Dibina Tanpa Kemudahan Asas

Zon Pemprosesan Makanan Daerah Baling telah dibina mengikut spesifikasi yang telah dipersetujui antara Jabatan dengan pemilik tanah. Zon tersebut sepatutnya dilengkapi dengan semua kemudahan asas yang ditetapkan. Lawatan Audit ke Zon Pemprosesan Makanan Daerah Baling mendapati bangunan dibina tanpa kemudahan asas seperti tandas, bekalan elektrik dan air di setiap unit kilang mini. Perkara ini berlaku kerana kurang pemantauan oleh pegawai Jabatan semasa pembinaan dijalankan menyebabkan usahawan yang sepatut menjalankan operasi pengeluaran produknya mengambil keputusan untuk keluar dari premis berkenaan. **Mengikut maklum balas Jabatan bertarikh 21 Julai 2014, Pihak Jabatan telah membuat penyelarasan mengenai Zon Pemprosesan Makanan Baling dan tindakan pembetulan telah dibuat melalui Mesyuarat Penyelarasan Zon Pemprosesan Makanan Baling pada 21 Julai 2013 dan 30 Jun 2014 di mana tandas telah disediakan dan bekalan elektrik telah dipasang. Pemantauan secara berterusan akan dilakukan oleh pihak daerah dan akan dilaporkan di dalam Mesyuarat Penyelarasan Industri Asas Tani di peringkat Negeri. Iklan tawaran menduduki Zon Pemprosesan Makanan Baling melalui laman web Jabatan dan *banner* juga telah dibuka bermula 23 Mac 2014 sehingga 13 April 2014 tetapi masih belum ada permohonan yang diterima.**

Pada pendapat Audit, pihak Jabatan hendaklah memastikan usahawan yang layak dipilih untuk memasuki Zon Pemprosesan Makanan dan memastikan zon berkenaan dilengkapi dengan kemudahan asas yang mencukupi bagi membolehkan usahawan menjalankan aktiviti pengeluaran produknya.

1.4.2.3. Perolehan Peralatan Tidak Mengikut Peraturan

a. Kajian Pasaran Tidak Dibuat Bagi Pembelian Terus

Mengikut Surat Pekeliling Perbendaharaan Bil. 12 Tahun 2007, Jabatan hendaklah membuat kajian pasaran supaya harga bekalan atau perkhidmatan yang hendak diperolehi adalah berpatutan dan menguntungkan Kerajaan di samping memastikan perolehan tidak tertumpu kepada pembekal tertentu selaras dengan prinsip-prinsip perolehan. Semakan Audit terhadap 65 sampel baucar bayaran bagi tempoh 2010 hingga 2013 mendapati pihak Jabatan tidak membuat kajian pasaran terhadap 10 perolehan yang berjumlah RM236,983. Antara perolehan tersebut adalah seperti di **Jadual 1.4. Mengikut maklum balas Jabatan bertarikh 21 Julai 2014, perolehan dibuat berdasarkan harga yang ditawarkan adalah berpatutan dan merupakan harga pasaran semasa berdasarkan pengalaman perolehan yang serupa sebelumnya.**

Jadual 1.4
Pembelian Terus Tanpa Kajian Pasaran

Bil.	Nombor Baucar/ Tarikh	Perihal	Amaun (RM)
1.	V0003905 27.12.2010	Bayaran Membekal Mesin Pemprosesan Makanan	26,300
2.	V0004086 01.01.2012	Bayaran Membekal Dan Menghantar Bahan Pembungkusan	29,700
3.	V0002958 10.12.2012	Membekal Botol Untuk Jus Nanas (370ml) beserta Sticker Kalis Air (PVC)	19,690
4.	V0003579 2.1.2013	Bayaran Membekal Elektrik Dehydrated Oven	36,000
5.	V0000340 28.3.2013	Bayaran Membekal Mixer, Cooker Dan Rak	30,400
6.	V0003817 8.1.2013	Bayaran Membekal Exhaust Fan 18" Dan Alat Kelengkapan Hood Kitchen	17,000
7.	V0001563 19.8.2013	Bayaran Kerja-Kerja Menaik Taraf Pusat Jualan Pertanian Negeri Kedah	17,927
8.	V0003529 26.12.2013	Bayaran Membekal Bahan Binaan Untuk Menaik Taraf Bengkel Projek Pemprosesan Makanan	19,978
9.	V0003530 26.12.2013	Bayaran Membekal Bahan Binaan Untuk Kegunaan Naiktaraf Bengkel Pemprosesan Makanan Ringan	19,996
10.	V0003531 26.12.2013	Bayaran Membekal Bahan Binaan Untuk Membina Bengkel IAT	19,992
Jumlah			236,983

Sumber: Jabatan Pertanian Negeri Kedah

b. Perolehan Bekalan/Perkhidmatan Tidak Dipelawa Secara Sebut Harga

Arahan Perbendaharaan 190 menetapkan sebut harga hendaklah dipelawa bagi semua perolehan bekalan atau perkhidmatan yang nilainya melebihi RM50,000 hingga RM500,000 setahun. Jabatan adalah dilarang memecah kecilkan nilai bekalan atau perkhidmatan yang terdiri dari sesuatu item, jenis atau kumpulan item yang sama diperolehi melebihi RM50,000 bagi mengelakkan pelawaan sebut harga atau tender. Semakan Audit mendapati 6 perolehan yang setiap satunya melebihi RM50,000 berjumlah RM607,278 tidak dibuat secara sebut harga dan 10 perolehan berjumlah RM295,890 telah dipecah kecilkan bagi mengelakkan sebut harga dibuat. Antara perolehan yang terlibat adalah seperti di **Jadual 1.5** dan **Jadual 1.6**. **Mengikut maklum balas Jabatan bertarikh 21 Julai 2014, perolehan dibuat tidak menggunakan proses sebut harga kerana nilai bagi setiap item yang dibeli tidak melebihi RM50,000.00 selaras dengan Surat Pekeliling Perbendaharaan Bil. 12 Tahun 2007. Namun begitu, pihak Audit berpendapat tafsiran Jabatan mengenai perkataan 'setiap item' adalah tidak bertepatan dengan tafsiran yang diberikan oleh Perbendaharaan Malaysia melalui soal jawab di dalam laman web Perbendaharaan Malaysia di mana contoh yang diberikan iaitu sekiranya sesuatu item boleh diperolehi daripada pembekal yang sama adalah dikira sebagai satu item.**

Jadual 1.5

Perolehan Yang Melebihi RM50,000 Tidak Dipelawa Secara Sebut Harga

Bil.	Nombor Baucar/ Tarikh	Perihal	Amaun (RM)
1.	V0003877 26.12.2010	Bayaran Membekal Mesin Pemprosesan Makanan	117,328
2.	V0003908 27.12.2010	Bayaran Membekal Mesin Pemprosesan Snek Serunding	89,000
3.	V0003878 26.12.2010	Bayaran Membekal Dan Menghantar Mesin Pemprosesan Makanan	153,600
4.	V0003909 27.12.2010	Bayaran Membekal Mesin Pemprosesan Makanan	60,950
5.	V0004519 10.01.2012	Bayaran Membekal Alat Kelengkapan Memasak Dan Mesin	122,500
6.	V0004558 11.01.2012	Bayaran Membekal Mesin Memproses Makanan Dan Peralatan	63,900
Jumlah			607,278

Sumber: Jabatan Pertanian Negeri Kedah

Jadual 1.6
Perolehan Yang Telah Dipecah Kecilkan

Bil.	Nombor Baucar/ Tarikh	Perihal	Amaun (RM)
1.	V0003906 27.12.2010	Bayaran Membekal Mesin Pemprosesan Makanan	40,550
2.	V0003837 22.12.2010	Bayaran Membekal Dan Menguji Mesin Pemprosesan <i>Fruit Bun</i>	49,800
3.	V0003909 27.12.2010	Bayaran Membekal Mesin Pemprosesan Makanan	60,950
4.	V0003810 08.01.2013	Bayaran Membekal Mesin <i>Confectionery Display, Container Heavy Duty, Soya Bean Grinder</i> Dan <i>Portable Burner</i>	18,940
5.	V0003808 08.01.2013	Bayaran Membekal Peralatan <i>Chest Freezer 520L</i>	20,000
6.	V0003805 08.01.2013	Membekal Peralatan Pemprosesan Makanan	18,350
7.	V0000311 26.3.2013	Bayaran Membekal Rak Dan <i>Low Speed Stirer</i>	17,500
8.	V0003801 08.01.2013	Membekal <i>Oven Gas 2 Layer C/W Timer</i>	19,000
9.	V0003803 08.01.2013	Bayaran Membekal <i>Electric Gas Oven</i>	30,800
10.	V0003799 08.01.2013	Membekal <i>Planetary Mixer 10 Liter</i> Dan <i>20 Liter</i>	20,000
Jumlah			295,890

Sumber: Jabatan Pertanian Negeri Kedah

Pada pendapat Audit, pihak Jabatan perlu sentiasa memastikan bahawa setiap perolehan secara pembelian terus hendaklah dibuat kajian pasaran supaya dapat memberi harga yang terbaik kepada Jabatan. Selain itu, pihak Jabatan juga sepatutnya memastikan setiap perolehan bekalan atau perkhidmatan yang melebihi RM50,000 perlulah melalui proses sebut harga dan tidak dipecah kecilkan bagi mengelak pelawaan secara sebut harga.

1.4.2.4. Peralatan Yang Dibeli Tidak Diagihkan

Jabatan Pertanian Daerah merekod senarai permohonan peralatan usahawan mengikut keperluan projek dalam Format A yang mengandungi maklumat seperti nama projek, butiran peralatan, jumlah peruntukan yang diperlukan dan jumlah pengeluaran produk yang dijangka akan dihasilkan. Perolehan peralatan tersebut dibuat setelah Format A diluluskan di peringkat Jabatan. Lawatan Audit ke stor Jabatan mendapati 38 peralatan yang dibeli pada tahun 2010 dan 2012 masih belum diagihkan dan masih berada di dalam kotak seperti di **Jadual 1.7**, **Gambar 1.3** dan **Gambar 1.4**. Perkara ini berlaku kerana 18 pembelian peralatan berjumlah RM459,540 pada tahun 2010 dan 2012 dibuat sebelum Format A dibentangkan di peringkat Jabatan. **Mengikut maklum balas yang diterima oleh Jabatan Pertanian Negeri Kedah bertarikh 21 Julai 2014, pembelian peralatan dibuat awal untuk disimpan sebagai stok sebelum diagihkan kepada usahawan-usahawan bimbingan Jabatan menggunakan baki peruntukan tahun berkenaan. Semua peralatan yang berada di stor telah diagihkan kepada usahawan daerah**

mengikut keputusan di dalam Mesyuarat Penyelarasan Industri Asas Tani Bil 2/2014 bertarikh 9 April 2014.

Jadual 1.7
Peralatan Yang Masih Belum Diagihkan

Bil.	Nama Peralatan	Tahun Perolehan	Bilangan Peralatan	Harga Seunit (RM)	Jumlah (RM)
1.	Jus Dispenser	2010	2	3,850	7,700
2.	Low Speed Strirer	2012	3	2,700	8,100
3.	Oven 2 Layer	2012	1	4,750	4,750
4.	Oven 1 Layer	2012	3	2,800	8,400
5.	Mixer 40 Liter	2012	2	5,500	11,000
6.	Mixer 20 Liter	2012	1	2,250	2,250
7.	Mesin Pengisar	2012	1	8,500	8,500
8.	Disk Mill	2012	3	1,700	5,100
9.	Vegetable Cutter	2012	1	2,500	2,500
10.	Dough Divider	2012	2	5,900	11,800
11.	Dough Sheeter	2012	1	9,200	9,200
12.	Meja Stainless Steel	2012	1	1,470	1,470
13.	Stainless Steel Rak Troli	2012	6	1,550	9,300
14.	Trolley c/w Fitter Layer	2012	1	1,500	1,500
15.	Pedal Sealer	2012	3	480	1,440
16.	Stainless Steel Rak	2012	4	1,230	4,920
17.	Kaki Oven	2012	3	100	300
Jumlah			38		98,230

Sumber: Jabatan Pertanian Negeri Kedah

Gambar 1.3
Jus Dispenser



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Stor JPNK Telok Chengai
Tarikh: 9 April 2014

Gambar 1.4
Dough Sheeter



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Stor JPNK Telok Chengai
Tarikh: 9 April 2014

Pada pendapat Audit, pihak Jabatan sepatutnya membuat pembelian dengan mengambil kira keperluan usahawan setelah Format A dibentangkan dan diluluskan di peringkat Jabatan bagi mengelakkan pembaziran.

1.4.2.5. Peralatan Yang Dibekalkan Tidak Digunakan

Lawatan Audit ke Zon Pemprosesan Makanan Kuala Muda dan Baling mendapati **21** peralatan yang dibekalkan pada tahun 2011 tidak digunakan selepas usahawan keluar daripada Zon Pemprosesan Makanan tersebut sejak Oktober 2013. Antara peralatan

tersebut adalah seperti di **Jadual 1.8** dan **Gambar 1.5** hingga **Gambar 1.8**. **Mengikut maklum balas Jabatan bertarikh 21 Julai 2014, Mesyuarat Penyelaras Zon Pemprosesan Makanan Baling pada 30 Jun 2014 memutuskan pemilik premis menggunakan peralatan tersebut sehingga terdapat usahawan baru memasuki ke Zon Pemprosesan Makanan Baling.**

Jadual 1.8
Peralatan Yang Tidak Digunakan Dan Ditinggalkan

Bil.	Jenis Peralatan	Bil. Unit	Harga Seunit (RM)
1.	<i>Cooking Machine</i>	1	33,000
2.	<i>Semi Auto Capping Machine</i>	1	3,500
3.	<i>Shrink Packing Machine</i>	1	48,000
4.	<i>Automatic Tea Bag Packing Machine with Tag & Envelope</i>	1	49,500
5.	<i>Vegetable Cutter Model DQ 180</i>	1	2,000
6.	<i>Dough Sheeter Model DB-15</i>	1	8,200
7.	<i>Potato Peeler Db-15</i>	1	4,600
8.	<i>Cooking Mixer</i>	1	7,800
9.	Peralatan Bilik Sejuk Beku	1	45,000

Sumber: Jabatan Pertanian Negeri Kedah

Gambar 1.5
Cooking Machine



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Lot 6, Zon Pemprosesan Makanan
Kuala Muda
Tarikh: 24 Mac 2014

Gambar 1.6
Dough Sheeter



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Stor Pusat Pertanian, Ban Merbok
Tarikh: 24 Mac 2014

Gambar 1.7
Dough Divider



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Lot Nadi 3, Zon Pemprosesan Makanan
Baling
Tarikh: 8 April 2014

Gambar 1.8
Deep Fryer



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Lot Nadi 4, Zon Pemprosesan Makanan
Baling
Tarikh: 8 April 2014

Pada pendapat Audit, Jabatan hendaklah memastikan peralatan yang ditinggalkan hendaklah segera diagihkan kepada usahawan lain yang memerlukan bagi mengelak peralatan tersebut rosak dan tidak boleh digunakan.

1.4.2.6. Perjanjian Pinjaman Peralatan Tidak Ditandatangani

Usahawan yang dipilih menyertai Zon Pemprosesan Makanan akan diberi bantuan pinjaman peralatan untuk mempertingkatkan dan memperkembangkan pengeluaran produk perniagaan mereka. Setiap usahawan dikehendaki untuk menandatangani perjanjian pinjaman peralatan yang diterima daripada Jabatan. Peralatan tersebut perlu dipulangkan kepada Jabatan sekiranya usahawan berkenaan tidak lagi menjalankan aktiviti pengeluaran produk. Semakan Audit mendapati sebanyak 6 usahawan dari Daerah Kuala Muda dan 5 usahawan dari Daerah Baling telah diberi pinjaman peralatan. Walau bagaimanapun, semua usahawan tersebut tidak menandatangani surat perjanjian kerana Jabatan tidak menyediakan surat perjanjian menyebabkan tiada sebarang ikatan antara Jabatan dan usahawan berhubung dengan pemilikan peralatan tersebut. Antara bantuan peralatan yang diberikan adalah seperti di **Gambar 1.9** dan **Gambar 1.10**. Mengikut maklum balas Jabatan bertarikh 21 Julai 2014, pihak Jabatan bersetuju bahawa aku janji (perjanjian) bagi penerimaan peralatan Zon Pemprosesan Makanan lewat dilaksanakan oleh pihak Daerah walaupun penyediaan aku janji merupakan prosedur standard Jabatan. Jabatan telah meminta agar pihak daerah memastikan perjanjian dibuat dan ditandatangani untuk setiap aset yang diberikan. Pihak Jabatan juga telah menghantar surat peringatan kepada pegawai pembimbing Industri Asas Tani daerah untuk memastikan setiap peralatan yang dipinjamkan mesti mempunyai aku janji selepas peserta menerima peralatan. Aku janji pinjaman peralatan di Zon Pemprosesan Makanan Baling telah dibuat dengan pemilik premis sebagai usahawan yang bertanggungjawab untuk setiap aset.

Gambar 1.9
Nut Coating Machine



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Stor Restoran Milik Usahawan Wawasan
AMS Enterprise, Sungai Petani
Tarikh: 24 Mac 2014

Gambar 1.10
Deep Fryer



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Lot Nadi 4, Zon Pemprosesan Makanan
Baling
Tarikh: 8 April 2014

Pada pendapat Audit, pihak Jabatan perlu menyediakan perjanjian berkenaan pemberian peralatan bagi memastikan wujudnya ikatan antara usahawan dan Kerajaan.

1.4.2.7. Pengubahsuaian Bangunan dan Pembelian Peralatan Melebihi RM100,000

Garis Panduan Pelaksanaan Program Pembangunan Industri Asas Tani menyatakan pihak Jabatan akan memberi insentif pengubahsuaian dalaman dan bantuan pinjaman peralatan tidak melebihi RM100,000 bagi setiap usahawan. Semakan Audit mendapati 3 usahawan telah menerima bantuan melebihi RM100,000 bagi tahun 2011 untuk kos pembelian peralatan di Zon Pemprosesan Makanan Kuala Muda seperti di **Jadual 1.9**. Keputusan bagi pembelian dan agihan peralatan tidak dibincangkan di dalam mana-mana mesyuarat Jabatan menyebabkan berlakunya agihan melebihi RM100,000 kepada usahawan tersebut. **Mengikut maklum balas Jabatan bertarikh 21 Julai 2014, Jabatan Pertanian Negeri Kedah tidak mengikut penetapan maksimum RM100,000.00 kerana faktor peningkatan harga semasa yang telah meningkat dan menetapkan had maksimum baru sebanyak RM250,000 bagi setiap unit. Bagaimanapun penetapan had maksimum sebanyak RM250,000 berdasarkan Garis Panduan Pelaksanaan Industri Asas Tani (Peringkat Negeri) hanya dibentang dalam Mesyuarat Pasukan Petugas Sistem Pengembangan Tekno Pertanian Industri Asas Tani Negeri Kedah Bil. 1/2014 pada 30 Jun 2014.**

Jadual 1.9

Senarai Usahawan Yang Menerima Bantuan Di Zon Pemprosesan Makanan Kuala Muda Melebihi RM100,000

Bil.	Nama Usahawan	Jumlah Bantuan Sepatutnya (RM)	Jumlah Bantuan Diberi (RM)	Bantuan Melebihi Kadar (RM)
1.	E&W Food Services Sdn. Bhd.	100,000	124,660	24,660
2.	Nanas Merbok Enterprise	100,000	174,750	74,750
3.	Kulim Pro-Tech Engineering Sdn. Bhd.	100,000	122,140	22,140
Jumlah			421,550	121,550

Sumber: Jabatan Pertanian Negeri Kedah

Pada pendapat Audit, pihak Jabatan sepatutnya memastikan bantuan yang diberikan mengikut garis panduan yang ditetapkan. Sebarang perubahan kadar sepatutnya mendapat kelulusan di peringkat Kementerian sebelum dilaksanakan.

1.4.3. Pemantauan Program Tidak Dilaksanakan Secara Berkala

Pemantauan hendaklah dilaksanakan oleh pegawai yang bertanggungjawab bagi memastikan pelaksanaan program mengikut perancangan yang ditetapkan. Pihak Jabatan telah mewujudkan mekanisme pemantauan terhadap aktiviti pemprosesan makanan di semua daerah antaranya dengan membuat lawatan ke Zon Pemprosesan Makanan Kuala Muda dan Baling, *Agro Village* di RnR Gurun dan ke premis usahawan. Selain itu, Mesyuarat Penyelaras Pelaksanaan Program Industri Asas Tani telah diadakan 4 kali pada tahun 2013

dan 3 kali pada tahun 2012. Mesyuarat tersebut antara lainnya membincangkan mengenai perkembangan dan kemajuan usahawan, agihan peralatan dan dasar baru yang dilaksanakan. Bagaimanapun, semakan Audit mendapati tiada pemantauan secara berkala dilaksanakan bagi memastikan pencapaian usahawan, keadaan peralatan dan hal-hal lain berkaitan pemprosesan makanan berjalan mengikut perancangan yang ditetapkan. **Mengikut maklum balas Jabatan bertarikh 21 Julai 2014, bermula pada tahun 2014, prosedur pemantauan projek telah dilaksanakan melalui Borang Pemantauan Projek Industri Asas Tani. Pemantauan kemajuan aktiviti projek Industri Asas Tani secara berkala oleh Pegawai Pertanian Daerah melalui Laporan Prestasi Projek Industri Asas Tani 2 perlu dibentangkan oleh Pegawai Pertanian Daerah pada setiap Mesyuarat Penyelarasan Industri Asas Tani peringkat Negeri.**

Pada pendapat Audit, pihak Jabatan perlu menyediakan program pemantauan secara berkala bagi memastikan perancangan program dapat dilaksanakan sepenuhnya.

1.5. SYOR AUDIT

Bagi memastikan Program Pemprosesan Makanan dapat terus dilaksanakan dengan berkesan adalah disyorkan supaya Jabatan Pertanian memberi pertimbangan terhadap perkara berikut:

1.5.1. Membuat perancangan yang teliti dari segi pemilihan usahawan bimbingan Jabatan yang berpotensi dan membuat perancangan strategik bagi memastikan Zon Pemprosesan Makanan mengikut dasar dan peraturan Jabatan yang telah ditetapkan.

1.5.2. Melaksanakan perolehan peralatan mengikut peraturan yang berkuat kuasa untuk mengelakkan pembaziran dan penyelewengan. Siasatan perlu dijalankan dan tindakan sewajarnya diambil terhadap pihak yang bertanggungjawab bagi memastikan perkara ini tidak berulang.

1.5.3. Memastikan semua usahawan menandatangani surat aku janji atau perjanjian dengan Jabatan untuk membolehkan denda dikenakan atau peralatan ditarik balik terhadap usahawan yang gagal mematuhi peraturan dan syarat perjanjian. Selain itu, pemantauan secara berkala dan berterusan dilakukan bagi memastikan perancangan program dilaksanakan sepenuhnya.

MAJLIS AGAMA ISLAM NEGERI KEDAH

2. PENGURUSAN SEWAAN HARTANAH WAKAF

2.1. LATAR BELAKANG

2.1.1. Mengikut Seksyen 52 Enakmen Pentadbiran Undang-undang Islam (Kedah Darul Aman) 2008, Majlis Agama Islam Negeri Kedah (MAIK) adalah merupakan pemegang amanah tunggal bagi mengurus semua jenis wakaf sama ada wakaf am atau khas untuk memberi faedah kepada orang Islam. Bahagian Wakaf MAIK dipertanggungjawab untuk mengurus, mentadbir serta membangunkan harta-harta wakaf di Negeri Kedah mengikut tujuan wakaf yang telah ditetapkan selaras dengan hukum syarak. Mulai tahun 2002, Syarikat Pengurusan Izzah Sdn. Bhd. (Syarikat) yang dimiliki sepenuhnya oleh MAIK ditubuhkan bagi menguruskan kutipan sewaan hartanah wakaf seperti mengeluarkan notis pembayaran sewa bulanan, membuat kutipan sewaan, menyediakan Laporan Hasil dan Tunggakan Sewaan dan notis tunggakan kepada semua penyewa. Syarikat ini ditadbir oleh 5 orang Ahli Lembaga Pengarah dan seorang Pengurus. Sebanyak 5% caj khidmat pengurusan dikenakan kepada MAIK bagi kutipan sewaan yang dibuat. Bagi tahun 2013, Syarikat dibayar sejumlah RM0.04 juta bagi kutipan sewaan semasa dan tunggakan yang berjaya dikutip.

2.1.2. Hartanah wakaf MAIK terdiri daripada tanah bendang, bangunan/kediaman dan lain-lain tapak. Berdasarkan rekod Syarikat sehingga 31 Disember 2013, bilangan hartanah wakaf yang disewakan adalah sebanyak 194 unit/lot dan telah berjaya mengutip sewa berjumlah RM0.71 juta atau 74% daripada jumlah keseluruhan caj sewa seperti di **Jadual 2.1.**

Jadual 2.1
Kedudukan Hartanah Wakaf Yang Disewakan

Bil.	Jenis Hartanah	Bilangan Hartanah Wakaf Disewakan (Unit/Lot)	Caj Sewaan Hartanah (RM Juta)	Kutipan	
				(RM Juta)	(%)
1.	Tanah Bendang	120	0.30	0.11	36.7
2.	Bangunan / Kediaman	33	0.17	0.12	70.6
3.	Lain-Lain Tapak	41	0.49	0.48	98.0
Jumlah		194	0.96	0.71	74.0

Sumber: Rekod Syarikat

2.2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Pengauditan adalah untuk menilai sama ada pengurusan sewaan hartanah wakaf telah dilaksanakan dengan cekap dan berkesan.

2.3. SKOP DAN METODOLOGI PENGAUDITAN

Skop pengauditan adalah meliputi aktiviti pengurusan sewaan hartanah wakaf di Bahagian Wakaf, Majlis Agama Islam Negeri Kedah dan Syarikat Pengurusan Izzah Sdn. Bhd. bagi tempoh tahun 2011 hingga 2013. Pengauditan telah dijalankan dengan menyemak rekod, fail, data dan dokumen berkaitan pengurusan sewaan hartanah wakaf. Sejumlah 226 sampel yang terdiri daripada fail wakaf am dan wakaf khas telah dipilih untuk semakan secara terperinci. Selain itu, perbincangan dan temu bual dengan pegawai terlibat dilakukan bagi mendapatkan penjelasan. Lawatan ke lokasi hartanah wakaf di daerah Kota Setar, Pokok Sena, Padang Terap, Kubang Pasu, Kuala Muda, Yan dan Kulim turut dijalankan bagi tujuan pengesahan fizikal.

2.4. PENEMUAN AUDIT


Pengauditan yang dijalankan antara bulan Mac hingga Jun 2014 mendapati secara keseluruhannya pengurusan sewaan hartanah wakaf adalah baik kerana pendapatan kutipan sewaan hartanah wakaf telah meningkat bagi tahun 2011 hingga 2013, kadar sewaan hartanah wakaf disemak dari semasa ke semasa dan MAIK telah berusaha di dalam mendapatkan tunggakan sewa menerusi tindakan mahkamah terhadap penyewa yang ingkar. Pengurusan sewaan masih boleh ditingkatkan sekiranya dapat mengatasi kelemahan yang dijelaskan dalam perenggan berikut:

- Baki tunggakan sewaan semakin meningkat.
- Tanah wakaf berpotensi tidak disewakan.

2.4.1. Prestasi Sewaan Hartanah Wakaf

2.4.1.1. Bagi tahun 2011 hingga 2013, hasil sewaan tanah bendang, bangunan/kediaman dan lain-lain tapak berjumlah RM1.95 juta. Daripada jumlah tersebut, hasil tertinggi berjumlah RM1.41 juta merupakan sewaan tapak menara telekomunikasi, tapak letak kereta, kawasan dusun dan lot perniagaan. Manakala sewaan tanah bendang dan bangunan/kediaman masing-masing sebanyak RM0.32 juta dan RM0.22 juta. Peningkatan hasil pada tahun 2013 iaitu daripada RM0.68 juta kepada RM0.71 juta adalah disebabkan dasar kenaikan 10% setiap kali perjanjian diperbaharui dan peningkatan penyewa baru. Butirannya lanjut adalah seperti di **Carta 2.1** dan **Jadual 2.2**.

Carta 2.1
Hasil Sewaan Hartanah Wakaf Mengikut Kategori
Bagi Tahun 2011 Hingga 2013



Jadual 2.2
Hasil Sewaan Hartanah Wakaf Mengikut Kategori Bagi Tahun 2011 Hingga 2013

Bil.	Kategori Sewaan	Tahun			Jumlah (RM Juta)
		2011 (RM Juta)	2012 (RM Juta)	2013 (RM Juta)	
1.	Tanah Bendang	0.10	0.10	0.12	0.32
2.	Bangunan/ Kediaman	0.002	0.10	0.12	0.22
3.	Lain-Lain Tapak	0.46	0.48	0.47	1.41
Jumlah		0.56	0.68	0.71	1.95

Sumber: Rekod MAIK

2.4.1.2. Jadual 2.3 menunjukkan pencapaian Syarikat dalam mengutip hasil semasa dan tunggakan sewa. Analisis Audit mendapati prestasi kutipan hasil tahun semasa bagi tahun 2011 hingga 2013 adalah baik di mana Syarikat telah berjaya membuat kutipan berjumlah RM1.95 juta atau 73.3% daripada jumlah caj sewaan. Manakala kutipan bagi tunggakan sewa bagi tempoh yang sama adalah masih rendah iaitu dengan peratusan kutipan di antara 16.2% hingga 20.4% atau RM0.56 juta berbanding tunggakan terkumpul.

Jadual 2.3
Hasil Semasa Dan Tunggakan Sewa Bagi Tempoh 2011 Hingga 2013

Tahun	Hasil Semasa			Tunggakan Sewa		
	Caj Sewa (RM Juta)	Kutipan		Tunggakan Terkumpul (RM Juta)	Kutipan	
		(RM Juta)	(%)		(RM Juta)	(%)
2011	0.78	0.56	71.8	1.00	0.17	17.0
2012	0.92	0.68	73.9	1.03	0.21	20.4
2013	0.96	0.71	74.0	1.11	0.18	16.2
Jumlah	2.66	1.95	73.3	-	0.56	-

Sumber: Rekod Syarikat

Pada pendapat Audit, prestasi kutipan hasil bagi tempoh 2011 hingga 2013 adalah baik kerana MAIK telah berjaya mengutip 73.3% daripada jumlah caj sewaan yang dikeluarkan.

2.4.2. Baki Tunggakan Sewaan Meningkat

2.4.2.1. **Jadual 2.4** menunjukkan tunggakan sewaan hartanah wakaf MAIK mengalami peningkatan daripada RM1 juta kepada RM1.11 juta bagi tempoh tahun 2011 hingga 2013. Tunggakan sewaan tertinggi pada tahun 2013 adalah bagi tanah bendang diikuti lain-lain tapak dan bangunan/kediaman.

Jadual 2.4
Tunggakan Sewa Hartanah Wakaf Bagi Tempoh 2011 Hingga 2013

Bil.	Sewa	Tahun		
		2011 (RM Juta)	2012 (RM Juta)	2013 (RM Juta)
1.	Tanah Bendang	0.92	0.91	0.94
2.	Bangunan/Kediaman	0.06	0.07	0.07
3.	Lain-Lain Tapak	0.02	0.05	0.10
Jumlah		1.00	1.03	1.11

Sumber: Penyata Kewangan MAIK

2.4.2.2. Berdasarkan rekod MAIK sehingga 31 Disember 2013, seramai 170 atau 79.8% daripada 213 penyewa hartanah wakaf yang mempunyai tunggakan sewaan berjumlah RM1.11 juta seperti di **Jadual 2.5**. Daripada jumlah tersebut, peratusan tunggakan tertinggi adalah penyewa tanah bendang iaitu 94% atau 125 orang mempunyai tunggakan yang berjumlah RM0.94 juta. Manakala bagi peratusan tunggakan terendah adalah bagi sewaan lain-lain tapak iaitu 45.2% atau seramai 19 daripada 42 penyewa yang mencatatkan tunggakan bernilai RM0.10 juta. **Berdasarkan maklum balas bertarikh 7 Julai 2014, Syarikat akan menyediakan Standard Operation Procedure (SOP) bagi pengurusan kutipan sebagai panduan.**

Jadual 2.5
Penyewa Yang Mempunyai Tunggakan Sehingga 31 Disember 2013

Bil.	Kategori Sewaan	Bilangan Penyewa (Orang)	Penyewa Yang Mempunyai Tunggakan		
			Bilangan Penyewa (Orang)	Jumlah Tunggakan (RM Juta)	(%)
1.	Tanah Bendang	133	125	0.94	94.0
2.	Bangunan/ Kediaman	38	26	0.07	68.4
3.	Lain-Lain Tapak	42	19	0.10	45.2
Jumlah		213	170	1.11	79.8

Sumber: Rekod MAIK

2.4.2.3. Pengumuran tunggakan sewa pada 31 Disember 2013 menunjukkan tempoh tunggakan yang melebihi 6 tahun adalah merupakan jumlah tunggakan tertinggi iaitu sejumlah RM0.55 juta atau 49.5%. Manakala tunggakan untuk tempoh 3 hingga 6 tahun mencatatkan nilai terendah iaitu sejumlah RM0.13 juta atau 11.7% seperti **Jadual 2.6**. **Berdasarkan maklum balas bertarikh 7 Julai 2014, perjanjian dengan penyewa mula**

dibuat pada tahun 2007. Sebanyak RM0.47 juta daripada keseluruhan tunggakan yang melebihi 6 tahun merupakan tunggakan sebelum perjanjian iaitu bagi tempoh tahun 1980 hingga 2002.

Jadual 2.6
Pengumuran Tunggakan Sewa Pada 31 Disember 2013

Bil.	Tempoh Tunggakan	Jumlah (RM Juta)	Peratus %
1.	Hingga 1 tahun	0.25	22.5
2.	Lebih dari 1 hingga 3 tahun	0.18	16.3
3.	Lebih dari 3 hingga 6 tahun	0.13	11.7
4.	Lebih dari 6 tahun	0.55	49.5
Jumlah		1.11	100

Sumber: Penyata Tahunan Tunggakan Hasil MAIK

2.4.2.4. Tunggakan yang tinggi adalah berpunca daripada tindakan penguatkuasaan terhadap penyewa yang ingkar adalah kurang berkesan walaupun tindakan mendapatkan tunggakan dilakukan oleh pihak Syarikat menerusi pengeluaran notis pembayaran sewaan dan tunggakan secara berkala. **Berdasarkan maklum balas bertarikh 7 Julai 2014, MAIK telah mengambil tindakan mahkamah melalui peguam yang dilantik bagi mengosongkan tanah wakaf dan mendapatkan tunggakan sewa kepada penyewa yang ingkar.**

Pada pendapat Audit, tunggakan sewaan dapat diatasi sekiranya MAIK meningkatkan pemantauan ke atas bayaran sewaan secara bulanan dan musim yang diterima. Langkah proaktif perlu diambil untuk mendapatkan semula tunggakan sewa bagi penyewa yang masih enggan untuk menjelaskan tunggakan.

2.4.3. Tanah Wakaf Berpotensi Tidak Disewakan

Tanah wakaf yang berpotensi hendaklah dibangunkan supaya dapat memberi manfaat kepada umat Islam. Pemeriksaan Audit mendapati:

2.4.3.1. Tiga lot tanah wakaf yang berpotensi untuk disewakan masih tidak diusahakan sejak tahun 2008. Tanah ini pernah dimajukan dan disewakan dengan kadar RM84 hingga RM440 sebulan. Bagi tempoh kekosongan tersebut, MAIK mampu menjana hasil sejumlah RM48,356 sekiranya disewakan kepada penyewa baru. Lawatan Audit seterusnya mendapati tiada sebarang usaha promosi dibuat ke atas kesemua lot tanah wakaf yang kosong. Butiran tanah wakaf tersebut adalah seperti di **Jadual 2.7** dan **Gambar 2.1** hingga **Gambar 2.3**. **Berdasarkan maklum balas bertarikh 7 Julai 2014, MAIK akan memberi kebenaran bertulis mengusahakan tanah tersebut kepada masjid. Selain itu, Syarikat akan menyediakan kertas kerja bagi memajukan tanah berpotensi.**

Jadual 2.7
Tanah Wakaf Yang Berpotensi Disewakan

Bil.	Alamat Tanah Wakaf / Keluasan	Tarikh Tamat Sewaan	Nilai Sewaan Sebulan (RM)	Hasil Yang Mampu Dijana (RM)	Status Lawatan
1.	GM 5265 Lot 10664, Mukim Tekai, Daerah Padang Terap, Kedah/ 1.38 Hektar	31.05.2012	84	1,596	Terdapat kandang ternakan yang ditinggalkan oleh penyewa lama dan tanah belum diusahakan semula (Gambar 2.1)
2.	Lot No. 108, Jalan Bukit Awi, Kulim, Kedah/ 0.67 Hektar	31.08.2008	440	28,160	Tapak wakaf kosong berhampiran jalan utama di Pekan Kulim yang berpotensi untuk dimajukan (Gambar 2.2)
3.	Batu 11, Kg. Tualang, Mukim Tualang, Daerah Pokok Sena, Kedah/ 3.45 Hektar	31.10.2008	300	18,600	Terdapat kandang ternakan yang ditinggalkan oleh penyewa lama dan tanah belum diusahakan semula (Gambar 2.3)
Jumlah				48,356	

Sumber: Rekod MAIK

Nota: Anggaran kiraan hasil adalah sehingga 31.12.2013

Gambar 2.1
Tanah Berpotensi Disewakan



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: GM5265 Lot 10664, Mukim Tekai,
Daerah Padang Terap, Kedah
Tarikh: 15 April 2014

Gambar 2.2
Tanah Berpotensi Disewakan



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Lot No. 108, Jalan Bukit Awi,
Kulim, Kedah
Tarikh: 16 April 2014



Gambar 2.3
Tanah Berpotensi Disewakan

Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Batu 11, Kg. Tualang, Mukim Tualang,
Daerah Pokok Sena, Kedah
Tarikh: 8 April 2014

2.4.3.2. Gambar 2.4 dan Gambar 2.5 menunjukkan 2 lot tanah wakaf telah ditanam getah dan didirikan rumah manakala **Gambar 2.6** pula adalah sebuah rumah wakaf berpotensi disewakan. **Berdasarkan maklum balas bertarikh 7 Julai 2014, masjid (penerima wakaf) akan diberi surat kebenaran bagi menguruskan hasil sewaan tanaman getah di atas tanah wakaf tersebut. Manakala Notis Pengosongan Rumah telah diberi kepada penghuni yang mendirikan rumah di atas tanah wakaf dan Syarikat telah menawarkan sewaan kepada penghuni rumah wakaf.**

Gambar 2.4
Tanah Wakaf Berpotensi Disewakan



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: GM 1150 (SPK 11512), Lot 1187 Mukim Rambai, Pendang
Tarikh: 14 April 2014

Gambar 2.5
Rumah Didirikan Di Atas Tanah Wakaf



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: GM 1658 (SPK 18246), Lot 980, Mukim Bukit Lada, Pokok Sena
Tarikh: 15 April 2014



Gambar 2.6
Rumah Wakaf Berpotensi Disewakan

Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: PN 673, Lot 461, Lorong Shariff, Mukim Alor Malai, Daerah Kota Setar, Kedah
Tarikh: 14 April 2014

Pada pendapat Audit, MAIK perlu mempertingkatkan kekerapan pemantauan terhadap semua hartanah wakaf, MAIK perlu mempunyai penjadualan kawalan secara berkala. Tindakan tegas perlu diambil terhadap pihak yang tidak bertanggungjawab mencerooboh hartanah Wakaf.

2.5. SYOR AUDIT

Bagi memperbaiki perkara-perkara yang dibangkitkan dalam laporan ini dan memastikan tanggungjawab MAIK tercapai, adalah disyorkan supaya MAIK memberi pertimbangan terhadap perkara berikut:

2.5.1. Meningkatkan usaha bagi mengurangi tunggakan sewa, meningkatkan kutipan bagi tunggakan dan mengenal pasti hartanah wakaf yang berpotensi disewakan supaya dapat menjana hasil kepada MAIK.

2.5.2. Mewujudkan Unit Penguatkuasaan bagi melaksanakan tugas-tugas penguatkuasaan terhadap aktiviti yang dilaksanakan di atas tanah wakaf tanpa kebenaran MAIK.

PERBADANAN SETIAUSAHA KERAJAAN (SSI)

3. INSTITUT PENGURUSAN DAN INTEGRITI NEGERI KEDAH SDN. BHD.

3.1. LATAR BELAKANG

3.1.1. Institut Pengurusan Dan Integriti Negeri Kedah Sdn. Bhd. (INSPIN) atau sebelum ini dikenali dengan nama Institut Pengurusan Kedah (KIM) telah ditubuhkan pada 29 Ogos 1999 dengan modal dibenarkan berjumlah RM1 juta dan modal berbayar berjumlah RM0.5 juta. INSPIN merupakan sebuah syarikat milik penuh Kerajaan Negeri Kedah Darul Aman di bawah Perbadanan Setiausaha Kerajaan (SSI). Kompleks INSPIN terletak di kawasan seluas 2.1 hektar di Lebuhraya Sultanah Bahiyah Alor Setar. Pada bulan Mei 2006, KIM telah diperkembangkan dengan program integriti dan namanya telah ditukarkan kepada Institut Pengurusan Dan Integriti Negeri Kedah Sdn. Bhd. (INSPIN).

3.1.2. Aktiviti utama INSPIN adalah sebagai pusat pembelajaran dan latihan bagi kakitangan Kerajaan dan bukan Kerajaan. Falsafah INSPIN adalah untuk menjadi sebuah institusi latihan yang hebat dan berintegriti seiring dengan matlamat dan hasrat Kerajaan untuk meningkatkan modal insan bagi mencapai status negara maju menjelang tahun 2020. INSPIN menganjurkan pelbagai kursus iaitu wajib perkhidmatan, terbuka, khusus, kerjasama dengan Agensi/Jabatan, program profesional dan program ijazah lanjutan. Bagi tahun 2011 hingga 2013 INSPIN telah menganjurkan 535 kursus dengan penyertaan seramai 30,580 peserta dan memperolehi pendapatan sejumlah RM8 juta seperti di **Jadual 3.1**.

Jadual 3.1
Bilangan Kursus, Peserta Dan Pendapatan Yang Diperolehi
Bagi Tahun 2011 Hingga 2013

Tahun	Bilangan Kursus	Bilangan Peserta	Pendapatan (RM Juta)
2011	106	9,755	2.84
2012	245	11,665	2.84
2013	184	9,160	2.32
Jumlah	535	30,580	8.00

Sumber: Rekod INSPIN

3.1.3. Lembaga Pengarah INSPIN dianggotai oleh 7 orang ahli Lembaga Pengarah dan dipengerusikan oleh Setiausaha Kerajaan Negeri Kedah. Pengurusan INSPIN diketuai oleh seorang Pengurus Besar dan dibantu oleh 23 orang kakitangan.

3.2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Pengauditan ini dijalankan untuk menilai sama ada prestasi kewangan, pengurusan aktiviti dan tadbir urus korporat INSPIN telah dilaksanakan dengan teratur selaras dengan objektif penubuhannya.

3.3. SKOP DAN METODOLOGI PENGAUDITAN

Pengauditan ini meliputi aspek kewangan dan aktiviti utama INSPIN dengan memberi perhatian terhadap prestasi kewangan, pengurusan aktiviti dan tadbir urus korporat. Bagi prestasi kewangan, analisis trend dan nisbah kewangan telah dilakukan secara perbandingan terhadap Penyata Kewangan beraudit bagi tahun 2011 hingga 2013. Manakala bagi pengurusan aktiviti dan tadbir urus korporat pula, pengauditan dijalankan dengan menyemak dokumen, fail serta rekod yang berkaitan bagi tahun 2011 hingga 2013. Di samping itu, temu bual diadakan dengan pegawai INSPIN bagi mendapatkan penjelasan lanjut mengenai perkara berbangkit.

3.4. PENEMUAN AUDIT

Pengauditan yang dijalankan antara bulan Mac hingga Jun 2014 mendapati pada keseluruhannya prestasi kewangan, pengurusan aktiviti dan tadbir urus korporat INSPIN adalah memuaskan. Bagaimanapun, terdapat beberapa kelemahan dalam pengurusan aktiviti INSPIN seperti yang diringkaskan dan dijelaskan dalam perenggan berikut:

- Bilangan kursus yang dianjurkan tidak mencapai sasaran yang ditetapkan.
- Kemudahan pembelajaran dan seminar tidak digunakan sepenuhnya.
- Penyelenggaraan Dewan Sultanah Bahiyah adalah tidak memuaskan.

3.4.1. Prestasi Kewangan

Bagi menilai prestasi kewangan INSPIN, analisis trend dan analisis nisbah kewangan telah dijalankan terhadap butiran yang ditunjukkan dalam Lembaran Imbangan dan Penyata Pendapatan bagi tahun kewangan 2011 hingga 2013. Berikut adalah hasil analisis yang telah dijalankan:

3.4.1.1. Analisis Trend

- a. INSPIN mencatatkan keuntungan selama 2 tahun berturut-turut bagi tahun 2011 dan 2012 sebelum mencatatkan kerugian pada tahun 2013. Keuntungan sebelum cukai yang diperoleh pada tahun 2011 dan 2012 masing-masing berjumlah RM0.66 juta dan RM0.13 juta. Pada tahun 2013, INSPIN telah mengalami kerugian sebelum cukai berjumlah RM1.31 juta. Penurunan keuntungan sebelum cukai dalam tahun 2012 adalah disebabkan oleh peningkatan dalam jumlah perbelanjaan sejumlah RM0.91 juta walaupun terdapat kenaikan dalam jumlah pendapatan sejumlah RM0.38 juta berbanding tahun 2011. Dalam tahun 2013 jumlah perbelanjaan terus meningkat sejumlah RM0.36 juta berbanding tahun 2012 dan pendapatan pula telah merosot sejumlah RM1.09 juta dan menyebabkan INSPIN mengalami kerugian sebelum cukai berjumlah RM1.31 juta.

- b. Pendapatan utama INSPIN sepanjang tahun 2011 hingga 2013 adalah terdiri daripada hasil pengendalian kursus, seminar dan latihan yang disediakan kepada kakitangan Kerajaan dan bukan Kerajaan. Selain daripada kursus, seminar dan latihan, INSPIN juga menyediakan perkhidmatan sewaan prasarana.
- i. Pendapatan utama INSPIN bagi tempoh 2011 hingga 2013 masing-masing berjumlah RM2.84 juta, RM3.48 juta dan RM2.67 juta. Pendapatan pada tahun 2012 menunjukkan peningkatan sejumlah RM0.64 juta atau 22.5% berbanding tahun 2011 dan pada tahun 2013 pula menurun sejumlah RM0.81 juta atau 23.3% berbanding tahun 2012. Pengurangan pendapatan adalah berpunca daripada kemerosotan bilangan kursus yang dianjurkan.
- ii. Selain menjana pendapatan daripada operasi utamanya, INSPIN juga memperoleh lain-lain pendapatan daripada geran Kerajaan Negeri, faedah atas pelaburan, diskaun diterima dan faedah diterima. Geran Kerajaan yang diterima dalam tahun 2011 hingga 2013 masing-masing berjumlah RM0.7 juta, RM0.5 juta dan RM0.3 juta. Analisis Audit mendapati pendapatan yang diterima bagi tempoh tersebut tidak mampu untuk menampung keseluruhan perbelanjaan INSPIN sekiranya Kerajaan Negeri tidak memberi bantuan kewangan. Kedudukan untung/(rugi) INSPIN sebelum/selepas Geran Kerajaan bagi tempoh 2011 hingga 2013 adalah seperti di **Jadual 3.2**.

Jadual 3.2

Untung/(Rugi) INSPIN Sebelum/Selepas Geran Kerajaan Bagi Tempoh 2011 Hingga 2013

Tahun	Pendapatan Selain Daripada Geran Kerajaan (RM Juta)	Perbelanjaan (RM Juta)	Rugi Sebelum Geran Kerajaan (RM Juta)	Geran Kerajaan Negeri (RM Juta)	Untung/ (Rugi) Sebelum Cukai (RM Juta)
2011	2.98	3.02	-0.04	0.70	0.66
2012	3.57	3.94	-0.37	0.50	0.13
2013	2.68	4.29	-1.61	0.30	-1.31
Jumlah	9.23	11.25	-2.02	1.50	-0.52

Sumber: Penyata Kewangan INSPIN

- c. Perbelanjaan INSPIN terdiri daripada kos perkhidmatan, perbelanjaan pentadbiran dan perbelanjaan kewangan seperti berikut:
- i. Kos perkhidmatan merupakan antara perbelanjaan operasi INSPIN. Kos perkhidmatan pada tahun 2012 meningkat sejumlah RM0.38 juta atau 35% berbanding tahun 2011 dan pada tahun 2013 pula meningkat sejumlah RM0.25 juta atau 17.5% berbanding tahun 2012. Peningkatan pada tahun 2012 disebabkan peningkatan dalam kos penginapan (RM126,294), peralatan kursus (RM109,273), perkhidmatan penceramah dan fasilitator (RM69,860) serta makanan dan minuman (RM64,276). Manakala pada tahun 2013, kos perkhidmatan semakin meningkat disebabkan peningkatan kursus yang

diadakan di luar INSPIN dan juga kursus yang dikendalikan oleh penceramah luar yang memerlukan kos yang tinggi.


- ii. Perbelanjaan pentadbiran bagi tempoh 2011 hingga 2013 pula menunjukkan peningkatan di mana pada tahun 2012 meningkat sejumlah RM0.54 juta atau 27.7% berbanding tahun 2011 dan pada tahun 2013 terus meningkat sejumlah RM0.10 juta atau 4% berbanding tahun 2012. Peningkatan pada tahun 2012 adalah disebabkan peningkatan dalam perbelanjaan gaji dan elaun (RM0.93 juta), perhubungan dan utiliti (RM0.30 juta), bonus (RM70,514) dan pelbagai sewaan (RM45,637). Manakala pada tahun 2013, perbelanjaan pentadbiran semakin meningkat disebabkan kenaikan dalam perbelanjaan gaji dan elaun (RM0.17 juta), alat tulis, percetakan dan penjilidan (RM0.12 juta), insurans (RM37,186) dan lain-lain.
- iii. Perbelanjaan kewangan terdiri daripada faedah sewa beli dan caj bank. Bagi tempoh 2011 hingga 2013 perbelanjaan kewangan adalah antara RM8,429 hingga RM10,905.
- d. Kedudukan pendapatan dan perbelanjaan serta keuntungan/kerugian tahunan dan terkumpul INSPIN bagi tahun kewangan 2011 hingga 2013 adalah seperti di **Jadual 3.3, Carta 3.1 dan Carta 3.2.**

Jadual 3.3
Pendapatan Dan Perbelanjaan Serta Untung/Rugi INSPIN Bagi Tahun 2011 Hingga 2013

Butiran	Tahun		
	2011 (RM)	2012 (RM)	2013 (RM)
Pendapatan	2,840,217	3,479,435	2,668,965
Kos Perkhidmatan	1,078,063	1,455,792	1,710,599
Untung Kasar	1,762,154	2,023,643	958,366
Pendapatan Lain	848,915	592,782	317,095
Perbelanjaan Pentadbiran	1,936,095	2,473,144	2,570,940
Perbelanjaan Kewangan	10,116	8,429	10,905
Untung/(Rugi) Sebelum Cukai	664,858	134,852	-1,306,384
Cukai	9,399	18,556	-
Untung/(Rugi) Selepas Cukai	655,459	116,296	-1,306,384
Keuntungan Terkumpul	4,031,287	4,147,583	2,841,199


Sumber: Penyata Kewangan INSPIN

Carta 3.1
Trend Keuntungan/Kerugian Sebelum Cukai Dan Terkumpul INSPIN Bagi Tahun 2011 Hingga 2013



Sumber: Penyata Kewangan INSPIN

Carta 3.1
Trend Pendapatan Dan Perbelanjaan INSPIN Bagi Tempoh Tahun 2011 Hingga 2013



Sumber: Penyata Kewangan INSPIN

- e. Mengikut maklum balas INSPIN bertarikh 23 Julai 2014, INSPIN menyatakan sokongan daripada Jabatan-Jabatan Negeri amat diperlukan bagi bekerjasama dalam menjalankan program latihan dan sewaan prasarana demi meningkatkan kembali keuntungan INSPIN.

3.4.1.2. Analisis Nisbah Kewangan

Bagi menilai prestasi kewangan INSPIN, beberapa analisis nisbah kewangan dijalankan terhadap butiran yang ditunjukkan dalam Lembaran Imbangan serta Penyata Pendapatan INSPIN bagi tahun kewangan 2011 hingga 2013. Hasil analisis nisbah kewangan adalah seperti di **Jadual 3.4**.

Jadual 3.4
Analisis Nisbah Kewangan INSPIN Bagi Tahun 2011 Hingga 2013

Butiran	Tahun		
	2011	2012	2013
Nisbah Semasa	12.41:1	9.86:1	5.28:1
Margin Untung Bersih	23%	4%	-49%
Nisbah Pulangan Ke Atas Aset	0.13:1	0.02:1	-0.33:1

Sumber: Penyata Kewangan INSPIN

a. Nisbah Semasa

Nisbah Semasa digunakan bagi mengukur tahap kecairan kewangan syarikat dan menentukan sejauh mana syarikat mampu membayar hutang dalam jangka pendek sekiranya aset semasa ditunaikan. Semakin tinggi nisbah ini, semakin baik kecairan syarikat. Analisis Audit mendapati kadar kecairan INSPIN bagi tahun kewangan 2013 adalah 5.28:1 berkurangan berbanding 9.86:1 pada tahun 2012. Nisbah ini menunjukkan kemampuan INSPIN untuk menukar aset semasa kepada tunai bagi membayar liabiliti semasanya adalah sangat baik.

b. Margin Untung Bersih

Margin Untung Bersih digunakan bagi mengukur keberkesanan aktiviti utama dan keupayaan syarikat dalam menjana keuntungan. Peningkatan nisbah ini menunjukkan meningkatnya kecekapan syarikat di mana bagi setiap ringgit kenaikan pendapatan, ia memberi kesan langsung dan nilai tambah terhadap peningkatan kadar keuntungan syarikat. Pada umumnya, nisbah yang lebih tinggi adalah lebih baik. Analisis Audit mendapati margin untung bersih INSPIN pada tahun 2013 adalah -49% iaitu berkurangan secara drastik berbanding 4% pada tahun 2012 dan 23% pada tahun 2011. Ini menunjukkan margin untung bersih INSPIN pada tahun 2011 dan 2012 adalah memuaskan. Namun, margin untung bersih bagi tahun 2013 adalah tidak memuaskan ekoran kekurangan bilangan kursus yang dianjurkan oleh INSPIN.

c. Nisbah Pulangan Ke Atas Aset

Nisbah Pulangan Ke Atas Aset adalah bagi mengukur pulangan yang diperoleh syarikat daripada pelaburan asetnya iaitu pulangan bersih yang diperoleh bagi setiap ringgit aset yang digunakan. Pada umumnya, semakin tinggi nisbah semakin baik keupayaan untuk menjana pendapatan. Analisis Audit mendapati pulangan ke atas aset pada tahun 2013 adalah tidak memuaskan kerana tiada pulangan diperoleh bagi setiap ringgit yang digunakan iaitu -0.33:1. Ini menunjukkan INSPIN tidak cekap dalam menguruskan aset yang dimiliki bagi menjana pendapatan operasi syarikat.

- d. **Mengikut maklum balas INSPIN bertarikh 23 Julai 2014, margin untung bersih menurun kerana permintaan untuk penganjuran kursus daripada Jabatan berkurangan dan nisbah pulangan ke atas aset juga tidak memuaskan kerana bangunan di INSPIN adalah bangunan lama dan ianya memerlukan kos penyelenggaraan yang tinggi. Selain itu, INSPIN kehilangan kontrak sewaan asrama sejumlah RM0.36 juta pada tahun 2013.**

Pada pendapat Audit, secara keseluruhan prestasi kewangan INSPIN adalah memuaskan kerana memperoleh keuntungan selepas cukai bagi tahun 2011 dan 2012 masing-masing berjumlah RM0.66 juta dan RM0.13 juta. Walau bagaimanapun, INSPIN mengalami kerugian selepas cukai berjumlah RM1.31 juta pada tahun 2013. INSPIN perlu berusaha meningkatkan prestasi kewangan supaya dapat memberi pulangan yang berterusan kepada syarikat, SSI dan Kerajaan Negeri secara keseluruhannya.

3.4.2. Pengurusan Aktiviti

Aktiviti utama INSPIN adalah melaksanakan pelbagai latihan kepada kakitangan Kerajaan dan bukan Kerajaan. INSPIN perlu meningkatkan usaha dalam melaksanakan aktiviti latihan bagi memastikan syarikat berdaya saing sebagai sebuah institusi latihan yang hebat selain daripada menambah baik prestasi kewangan. Semakan Audit mendapati beberapa

kelemahan wujud di peringkat pelaksanaan aktiviti INSPIN. Penjelasan lanjut mengenai kelemahan tersebut adalah seperti perenggan berikut:

3.4.2.1. Sasaran Penganjuran Kursus

- a. Selaras dengan tujuan penubuhan INSPIN sebagai institusi latihan, fokus kursus dan latihan adalah dengan menganjurkan kursus wajib perkhidmatan, kursus terbuka, kursus khusus berdasarkan kepada permohonan sesuatu Jabatan, Agensi dan kursus secara usahasama dengan Agensi/Jabatan Kerajaan. INSPIN telah mengambil pelbagai pendekatan dalam menghebahkan kursus-kursus yang dijalankan antaranya dengan mengedarkan kalendar latihan tahunan ke semua Jabatan dan Agensi, risalah-risalah kursus diedarkan ke Jabatan dan Agensi, promosi melalui laman sesawang INSPIN di www.inspin.gov.my/wp dan di laman facebook INSPIN seperti di **Gambar 3.1** dan **Gambar 3.2**.

Gambar 3.1
Kalendar Latihan INSPIN
Dikeluarkan Untuk Hebahan Kursus



Sumber: INSPIN
Lokasi: Jabatan Audit Negara Negeri Kedah
Tarikh: 10 April 2014

Gambar 3.2
Hebahan Kursus Melalui
Laman Sesawang INSPIN



Sumber: Laman Sesawang INSPIN
www.inspin.gov.my/wp

- b. Bagi tahun 2011 hingga 2013, INSPIN telah mensasarkan 960 kursus untuk dianjurkan dan bilangan yang dianjurkan bagi tempoh tersebut ialah 535 kursus atau 55.7%. Prestasi bilangan kursus yang dianjurkan berbanding sasaran yang ditetapkan adalah seperti di **Jadual 3.5**.

Jadual 3.5
Bilangan Kursus Yang Dianjurkan Berbanding Sasaran Bagi Tahun 2011 Hingga 2013

Tahun	Bilangan		Perbezaan [a-b]	Pencapaian Kursus Dianjurkan (%)
	Dirancang [a]	Dianjurkan [b]		
2011	224	106	118	47.3
2012	334	245	89	73.4
2013	402	184	218	45.8
Jumlah	960	535	425	55.7

Sumber: Rekod INSPIN

- c. Bagi memastikan keberkesanan kursus dan latihan yang dianjurkan, INSPIN telah membahagikan kursus yang dianjurkan kepada 8 sektor mulai tahun 2012. Bilangan kursus yang dirancang dan dianjurkan mengikut sektor bagi tahun 2011 hingga 2013 adalah seperti di **Jadual 3.6**.

Jadual 3.6
Bilangan Kursus Yang Dianjurkan Berbanding Sasaran Mengikut Sektor
Bagi Tahun 2011 Hingga 2013

Bil.	Sektor	Tahun					
		2011		2012		2013	
		Rancang	Anjur	Rancang	Anjur	Rancang	Anjur
1.	Transformasi Dan Inovasi	-	-	48	46	55	17
2.	Kepimpinan Dan Sahsiah	-	-	45	50	50	27
3.	Teknologi Maklumat (ICT)	-	-	35	19	55	20
4.	Teknikal Dan Keselamatan	-	-	62	32	61	17
5.	Umum	-	-	36	27	61	28
6.	Pengurusan Dan Pentadbiran	-	-	41	33	53	30
7.	Kewangan, Hasil Dan Bahasa	-	-	41	25	65	37
8.	Integriti	-	-	26	13	2	8
Jumlah		224	106	334	245	402	184
Peratus Dianjur (%)		47.3		73.4		45.8	

Sumber: Rekod INSPIN

- d. Analisis lanjut ke atas bilangan kursus yang dianjurkan berbanding dengan sasaran mendapati pada tahun 2011, bilangan kursus yang dianjurkan adalah 106 kursus atau 47.3% manakala pada tahun 2012 dan 2013 masing-masing sebanyak 245 kursus atau 73.4% dan 184 kursus atau 45.8%. Ini menunjukkan prestasi bilangan kursus yang dapat dianjurkan menurun pada tahun 2013 berbanding 2012. Pihak Audit dimaklumkan perkara ini berlaku kerana bilangan peserta tidak mencapai had minimum yang ditetapkan oleh INSPIN mengakibatkan beberapa kursus yang dirancang terpaksa dibatalkan.
- e. Kursus yang dianjurkan oleh INSPIN terbahagi kepada 2 kategori iaitu kursus jabatan dan kursus pasaran terbuka. Kursus jabatan ialah kursus di mana Agensi/Jabatan Kerajaan Negeri dan Persekutuan menggunakan khidmat INSPIN bagi menganjurkan kursus untuk anggotanya manakala kursus pasaran terbuka adalah untuk orang awam yang berminat menghadirinya. Pada tahun 2012 dan 2013, INSPIN telah menganjurkan 429 kursus di mana 103 kursus merupakan kursus jabatan manakala baki 326 adalah kursus pasaran terbuka seperti di **Jadual 3.7**.

Jadual 3.7

Bilangan Kursus Yang Dianjurkan Mengikut Sektor, Kursus Jabatan Dan Kursus Pasaran Terbuka Bagi Tahun 2012 Dan 2013

Bil.	Sektor	Bilangan Kursus				
		Tahun 2012		Tahun 2013		Jumlah Kursus
		Kursus Jabatan	Kursus Pasaran Terbuka	Kursus Jabatan	Kursus Pasaran Terbuka	
1.	Transformasi Dan Inovasi	21	25	3	14	63
2.	Kepimpinan Dan Sahsiah	5	45	-	27	77
3.	Teknologi Maklumat (ICT)	14	5	8	12	39
4.	Teknikal Dan Keselamatan	4	28	4	13	49
5.	Umum	1	26	12	16	55
6.	Pengurusan Dan Pentadbiran	5	28	4	26	63
7.	Kewangan, Hasil Dan Bahasa	6	19	8	29	62
8.	Integriti	5	8	3	5	21
Jumlah		61	184	42	142	429

Sumber: Rekod INSPIN

- f. Analisis yang dijalankan mendapati bilangan kursus jabatan yang dijalankan oleh INSPIN pada tahun 2013 telah menurun sebanyak 19 kursus atau 31.2% berbanding tahun 2012. Selain itu, bilangan kursus pasaran terbuka juga telah menurun daripada 184 kursus pada tahun 2012 kepada 142 kursus pada tahun 2013. Pihak Audit difahamkan bilangan kursus yang dianjurkan berkurangan disebabkan bilangan peserta yang tidak mencukupi untuk diadakan kursus berkenaan. Selain itu mulai tahun 2013, Bahagian Sumber Manusia Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri tidak lagi mengamalkan dasar pencalonan 20 orang peserta bagi setiap kursus yang dianjurkan oleh INSPIN. Perkara ini telah menjejaskan pendapatan INSPIN kerana sebahagian besar kursus yang dianjurkan oleh INSPIN mensasarkan penyertaan daripada Jabatan dan Agensi Kerajaan Negeri dan Persekutuan.
- g. **Mengikut maklum balas INSPIN bertarikh 23 Julai 2014, INSPIN telah menjalankan pelbagai promosi untuk kursus pasaran terbuka namun penyertaan adalah tidak memberangsangkan ekoran saingan daripada Jabatan Negeri yang menganjurkan *in house training* di Jabatan masing-masing.**

Pada pendapat Audit, INSPIN perlu lebih giat mempromosikan kursus-kursus yang ditawarkan agar dapat menarik lebih ramai kakitangan awam dan pihak swasta memilih untuk berkursus di INSPIN.

3.4.2.2. Kemudahan Pembelajaran Dan Seminar Tidak Digunakan Sepenuhnya

Selain daripada penganjuran latihan, aktiviti INSPIN adalah sewaan dewan, bilik kuliah dan makmal komputer. Semakan Audit mendapati perkara berikut:

a. Dewan, Bilik Kuliah Dan Makmal Komputer

- i. INSPIN telah menyediakan kemudahan sewaan bagi dewan, bilik kuliah dan makmal komputer untuk kegunaan pelbagai pihak. Kadar sewaan yang ditetapkan oleh INSPIN mulai tahun 2012 dan 2013 adalah seperti di **Jadual 3.8**.

Jadual 3.8

**Kadar Sewa Bagi Dewan, Bilik Kuliah Dan Makmal Komputer INSPIN
Bagi Tahun 2012 Dan 2013**

Bil.	Prasarana	Kapasiti (orang)	Kadar Sewa Sehari (RM)
1.	Dewan Sultanah Bahiyah	40 - 300	500
2.	Dewan KCS	30 -180	450
3.	Bilik Kuliah INSAN	30 - 80	450
4.	Bilik Kuliah INTAN	30 - 80	200
5.	Bilik Kuliah INSAN + INTAN	60 - 200	650
6.	Bilik Kuliah ILMU	15 - 50	150
7.	Bilik Kuliah ILHAM	20 - 50	150
8.	Bilik Kuliah INOVASI	10 - 25	150
9.	Bilik Kuliah INSPIRASI	10 - 25	150
10.	Makmal Komputer	25 unit komputer	200

Sumber: Rekod INSPIN

- ii. Semakan Audit ke atas Daftar Sewaan bagi tahun 2012 hingga 2013 mendapati pada tahun 2012 bilangan hari yang digunakan bagi Dewan Sultanah Bahiyah adalah di antara 51 hari hingga 88 hari atau 14% hingga 24.1%. Bagi Dewan KCS pula penggunaannya adalah di antara 131 hari hingga 181 hari atau 35.9% hingga 49.5%. Manakala 5 bilik kuliah sahaja yang digunakan kerana 2 bilik lagi iaitu bilik kuliah INOVASI dan INSPIRASI tidak digunakan kerana kerja-kerja pengubahsuaian dan hanya digunakan semula mulai tahun 2013. Bilangan hari yang digunakan bagi 5 bilik kuliah adalah di antara 2 hari hingga 158 hari atau 0.5% hingga 43.3% manakala makmal komputer adalah 8 hari atau 2.2%. Sewaan prasarana ini telah menurun iaitu dari 656 hari pada tahun 2012 telah merosot kepada 570 hari pada tahun 2013 seperti di **Jadual 3.9**.

Jadual 3.9**Analisis Sewaan Dewan, Bilik Kuliah Dan Makmal Komputer Bagi Tahun 2012 Dan 2013**

Analisis Sewaan Dewan, Bilik Kuliah Dan Makmal Komputer Bagi Tahun 2012 Dan 2013							
Bil.	Prasarana	Unit	Bilangan				Jumlah
			Hari Digunakan Mengikut Tahun				
			2012		2013		
			Bilangan (Hari)	Peratus (%)	Bilangan (Hari)	Peratus (%)	
Dewan							
1.	Dewan Sultanah Bahiyah	1	88	24.1	51	14	139
2.	Dewan KCS	1	181	49.5	131	35.9	312
Bilik Kuliah							
1.	Bilik Kuliah INSAN	1	103	28.2	13	3.6	116
2.	Bilik Kuliah INTAN	1	9	2.5	2	0.5	11
3.	Bilik Kuliah INSAN + INTAN	1	-	-	71	19.5	71
4.	Bilik Kuliah ILMU	1	109	30	138	37.8	247
5.	Bilik Kuliah ILHAM	1	158	43.3	110	30.1	268
6.	Bilik Kuliah INOVASI	1	-	-	5	1.4	5
7.	Bilik Kuliah INSPIRASI	1	-	-	10	2.7	10
Makmal Komputer							
1.	Makmal Komputer	1	8	2.2	39	10.7	47
Jumlah		10	656		570		1,226

Sumber: Rekod INSPIN

- iii. Lawatan Audit ke bilik kuliah yang terdapat di INSPIN mendapati ianya adalah memuaskan dan sesuai untuk diadakan kursus ataupun seminar. Pihak INSPIN perlu menggiatkan promosi mengenai kemudahan yang ada seperti di **Gambar 3.3** dan **Gambar 3.4**.

Gambar 3.3**Keadaan Bilik Kuliah INTAN Yang Terletak Di Tingkat Bawah Dewan Sultanah Bahiyah**

Sumber: Jabatan Audit Negara
 Lokasi: INSPIN, Jalan Sultanah
 Tarikh: 10 April 2014

Gambar 3.4**Keadaan Makmal Komputer Yang Terletak Di Tingkat Atas Dewan Sultanah Bahiyah**

Sumber: Jabatan Audit Negara
 Lokasi: INSPIN, Jalan Sultanah
 Tarikh: 10 April 2014

- iv. Lawatan Audit ke Dewan Sultanah Bahiyah mendapati keadaannya kurang memuaskan di mana keadaan catnya yang lusuh dan langsir yang telah lama dan koyak seperti di **Gambar 3.5** dan **Gambar 3.6**. Temubual dengan pegawai INSPIN mendapati bangunan ini adalah milik Masjid Sultanah Bahiyah dan diserahkan kepada INSPIN untuk diuruskan tanpa dikenakan sebarang sewaan. Bagaimanapun, INSPIN telah membayar bil elektrik dan air untuk kegunaan kesemuanya memandangkan meter untuk bekalan elektrik dan air disatukan

untuk kegunaan masjid dan dewan ini. Perkara ini telah menyukarkan pihak INSPIN untuk membaik pulih atau mengindahkan bangunan ini kerana tanggungjawab berkaitan penyenggaraan tidak dinyatakan dengan jelas. Pihak INSPIN perlulah mengadakan perbincangan dengan pihak pengurusan masjid bagi menentukan status hak milik dan kedudukan dewan ini.

Gambar 3.5
Keadaan Dewan Sultanah Bahiyah
Dengan Langsir Yang Koyak



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: INSPIN, Jalan Sultanah
Tarikh: 10 April 2014

Gambar 3.6
Keadaan Dewan Sultanah Bahiyah



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: INSPIN, Jalan Sultanah
Tarikh: 10 April 2014

- v. **Mengikut maklum balas INSPIN bertarikh 23 Julai 2014, dasar penjimatan yang dilaksanakan oleh Jabatan Negeri di mana kursus dijalankan secara *in-house* telah menyebabkan dewan INSPIN kurang mendapat sambutan. Selain itu, INSPIN tidak mempunyai peruntukan kewangan untuk menaik taraf Dewan Sultanah Bahiyah dan satu perbincangan akan diadakan dengan pihak Jawatankuasa Masjid Sultanah Bahiyah agar masalah ini dapat diatasi dengan segera.**

Pada pendapat Audit, INSPIN perlu menggiatkan usaha promosi latihan dan sewaan yang tidak terhad kepada Sektor Awam sahaja agar kemudahan INSPIN digunakan secara optimum. Selain itu, INSPIN perlu mengambil inisiatif untuk menaik taraf kemudahan sedia ada agar dapat menarik lebih ramai peserta berkursus di INSPIN.

3.4.3. Tadbir Urus Korporat

Tadbir urus korporat merujuk kepada proses yang digunakan untuk mentadbir, mengurus dan mengawal syarikat. Ia merangkumi dasar, undang-undang dan peraturan, sistem dan prosedur, kawalan pengurusan syarikat serta pengurusan risiko. Tadbir urus korporat yang baik dapat membantu syarikat mempertingkatkan kecekapan dalam mencapai objektifnya serta membolehkan operasi syarikat diurus dengan sempurna, telus dan bertanggungjawab. Semakan Audit mendapati tadbir urus korporat INSPIN adalah memuaskan. Bagaimanapun, masih terdapat beberapa ketidakpatuhan tadbir urus korporat yang perlu diambil tindakan pembetulan dan penambahbaikan agar tidak berlaku pada masa hadapan seperti berikut:

3.4.3.1. Perlantikan Pengerusi Syarikat

Amalan Terbaik menetapkan Pengerusi yang dilantik hendaklah tidak dibayar elaun tetap sekiranya beliau juga adalah Pengerusi Syarikat Induk. Disamping itu, Pengerusi hendaklah tidak mempunyai kuasa eksekutif dan tidak campur tangan dalam operasi harian syarikat. Semakan Audit mendapati Pengerusi yang dilantik di INSPIN tidak dibayar elaun tetap dan tidak mempunyai kuasa eksekutif dalam operasi harian syarikat.

3.4.3.2. Pelantikan Ahli Lembaga Pengarah

- a. Amalan Terbaik menetapkan pelantikan Lembaga Pengarah Syarikat Subsidiari hendaklah diluluskan oleh Lembaga Pengarah Syarikat Induk atau Badan Berkanun. Selain itu, Amalan Terbaik Kod Tadbir Urus Korporat Malaysia (Semakan 2007) pula menetapkan bagi mewujudkan Lembaga Pengarah yang berkesan untuk mengurus syarikat dengan cekap dan tulus, sejumlah 33% (1/3) keanggotaan Lembaga Pengarah hendaklah terdiri daripada Pengarah Bukan Eksekutif yang bebas, berwibawa dan berpengalaman. Semakan Audit mendapati semua Ahli Lembaga Pengarah telah dilantik selaras dengan arahan yang ditetapkan.
- b. Mengikut Akta Syarikat 1965, Lembaga Pengarah perlu bertanggungjawab dalam membuat dan melaksanakan dasar, perancangan korporat dan pengurusan kewangan yang diluluskan selaras dengan objektif penubuhannya. Bagi merealisasikan perkara tersebut, Lembaga Pengarah hendaklah bermesyuarat secara berkala dan teratur. Mengikut Amalan Terbaik, Lembaga Pengarah perlulah bermesyuarat sekurang-kurangnya 4 kali dalam setahun. Semakan Audit mendapati Mesyuarat Lembaga Pengarah INSPIN bagi tahun 2011 diadakan sebanyak 5 kali, pada tahun 2012 diadakan sebanyak 6 kali dan pada tahun 2013 diadakan sebanyak 7 kali adalah mengikut peraturan yang ditetapkan.

3.4.3.3. Ketua Pegawai Eksekutif

Amalan Terbaik menetapkan pelantikan Ketua Eksekutif syarikat subsidiari hendaklah mendapat kelulusan ahli Lembaga Pengarah Syarikat Induk atau Badan Berkanun. Berdasarkan Carta Organisasi INSPIN, jawatan tertinggi di INSPIN adalah jawatan Ketua Pegawai Eksekutif. Semakan Audit mendapati urusan operasi syarikat bagi tahun 2011 hingga bulan Julai 2013 dilaksanakan oleh Pengurus Besar yang dilantik iaitu Tuan Haji Mohamad Bin Che Nai. Mulai bulan Julai 2013, perjawatan tersebut telah digantikan dengan Pengurus Besar yang baru iaitu Tuan Zabudin Bin Hat yang dilantik melalui rujukan surat PSU(K)1239/1739 Jd. 15 bertarikh 30 Julai 2013.

3.4.3.4. Jawatankuasa Audit Dan Pemeriksaan Serta Unit Audit Dalam

- a. Audit Dalam merupakan satu fungsi bebas yang memberi kepastian dan khidmat perundingan secara objektif untuk menambah nilai dan mempertingkatkan tahap operasi organisasi. Objektif Unit Audit Dalam adalah untuk membantu sesebuah organisasi mencapai matlamatnya melalui pendekatan yang sistematik dan berdisiplin untuk menilai dan menentukan keberkesanan semua proses kawalan dan tadbir urus. Semakan Audit mendapati INSPIN tidak menubuhkan Unit Audit Dalam. Namun begitu, bagi memastikan wujudnya *check and balance* dalam pengurusan kewangan, INSPIN hendaklah diaudit oleh Unit Audit Dalam Badan Induk yang bertanggungjawab terhadap anak syarikat subsidiari.
- b. Amalan Terbaik juga menetapkan setiap syarikat Kerajaan perlu menubuhkan Jawatankuasa Audit Dan Pemeriksaan sejajar dengan usaha untuk meningkatkan kawalan dalaman yang berkesan terhadap pengurusan syarikat agar kepentingan Kerajaan sebagai pemegang saham dapat dipelihara. Semakan Audit mendapati INSPIN tidak menubuhkan jawatankuasa tersebut selaras dengan peraturan yang telah ditetapkan. **Mengikut maklum balas INSPIN bertarikh 23 Julai 2014, INSPIN mempunyai 1 perjawatan bagi Unit Audit Dalam namun tidak diisi kerana tiada peruntukan kewangan.**

3.4.3.5. Strategi Dan Rancangan Korporat

Amalan Terbaik menetapkan syarikat Kerajaan perlu menyediakan dan mengemas kini strategi dan rancangan korporat (SRK) sebagai wawasan syarikat bagi mencapai matlamat jangka pendek dan jangka panjang. SRK juga hendaklah selaras dengan objektif penubuhan sesebuah syarikat itu dan perlu memperincikan antaranya hala tuju, rancangan jangka pendek dan jangka panjang, petunjuk prestasi utama dan sasaran yang ditetapkan. SRK yang disediakan hendaklah diluluskan oleh Lembaga Pengarah Syarikat dan Lembaga Pengarah Syarikat Induk. Semakan Audit mendapati INSPIN tidak menyediakan SRK bagi tahun 2011 hingga 2013. **Mengikut maklum balas INSPIN bertarikh 23 Julai 2014, SRK tidak disediakan kerana hanya dibahaskan secara ringkas di dalam Mesyuarat Ahli Lembaga Pengarah INSPIN.**

3.4.3.6. *Standard Operating Procedures*

Amalan Terbaik menetapkan pihak pengurusan syarikat Kerajaan perlu menyediakan dan mengemas kini peraturan berkaitan kewangan, operasi dan sumber manusia dengan lengkap bagi mengoptimumkan kos operasi dan mengelakkan pembaziran. Semakan Audit mendapati INSPIN telah menyediakan *Standard Operating Procedures* (SOP) yang lengkap tetapi tidak dibentangkan di dalam Mesyuarat Lembaga Pengarah. **Mengikut maklum balas INSPIN bertarikh 23 Julai 2014, SOP masih dalam penelitian pihak pentadbiran INSPIN sebelum dibahaskan dalam Mesyuarat Ahli Lembaga Pengarah INSPIN.**

3.4.3.7. Pengurusan Kewangan

Kawalan dalaman yang sistematik dan berkesan menyumbang kepada pengurusan kewangan yang baik. Pengurusan kewangan melibatkan beberapa aspek kawalan terutamanya kawalan pengurusan, kawalan pendapatan, kawalan perbelanjaan, pengurusan aset, pengurusan pinjaman dan pengurusan pelaburan. Hasil daripada pengauditan yang dijalankan mendapati wujud beberapa kelemahan dalam pengurusan kewangan INSPIN yang memerlukan syarikat mengambil tindakan pembetulan dan penambahbaikan segera supaya tidak berulang pada masa akan datang. Antara kelemahan yang dimaksudkan adalah seperti berikut:

a. Pembayaran Dividen Dan Bonus

- i. Amalan Terbaik menetapkan dasar dan garis panduan mengenai bayaran dividen oleh syarikat Kerajaan di mana dividen dibayar sekurang-kurangnya 10% setahun sebagai pulangan modal kepada Kerajaan sebagai pemegang saham. Cadangan bayaran dividen perlu dikemukakan secara serentak dengan cadangan bayaran bonus untuk kelulusan Lembaga Pengarah Agensi Kerajaan dan Pihak Berkuasa Negeri. Semakan Audit mendapati INSPIN telah mencatatkan keuntungan pada tahun 2011 berjumlah RM0.66 juta dan pada tahun 2012 sejumlah RM0.12 juta. Walau bagaimanapun INSPIN tidak membuat bayaran dividen kepada SSI bagi tahun 2011 dan tahun 2012. Bagi tahun 2013, syarikat mengalami kerugian sejumlah RM1.31 juta.
- ii. Semakan Audit mendapati INSPIN telah membayar bonus kepada pegawai eksekutif sebanyak 3 bulan gaji dan bukan eksekutif sebanyak 2 dan 1.5 bulan gaji pada tahun kewangan 2012 berjumlah RM90,478. Manakala pada tahun 2013 INSPIN membayar bonus kepada pegawai eksekutif dan bukan eksekutif sebanyak 3 bulan gaji berjumlah RM131,137. Pemberian bonus tersebut telah diluluskan dalam Minit Mesyuarat Lembaga Pengarah Bil. 2/2012 dan Bil. 1/2013 tetapi tidak mendapat kelulusan Pihak Berkuasa Negeri.

Pada pendapat Audit, secara keseluruhannya tadbir urus INSPIN adalah memuaskan dan perlu diperkukuhkan lagi bagi memantapkan pengurusan syarikat.

3.5. SYOR AUDIT

Bagi memastikan objektif penubuhan INSPIN mendapat *value for money*, beberapa aspek pengurusan syarikat perlu diperkemaskan dengan memberi pertimbangan kepada syor-syor berikut:

3.5.1. Ahli Lembaga Pengarah INSPIN hendaklah memantau dan memastikan prestasi kewangan terus berkembang dan memperoleh keuntungan. Disamping itu, INSPIN hendaklah memperkemaskan dan mengamalkan tadbir urus korporat syarikat dengan

menjadikan Pekeliling Kerajaan dan Kod Tadbir Urus Korporat Malaysia sebagai amalan terbaik.

3.5.2. Meneruskan usaha mempelbagaikan kursus-kursus yang ditawarkan dan menguruskan kemudahan dengan lebih teratur bagi memastikan penggunaannya adalah optimum dan dapat memberi pulangan kepada syarikat.

3.5.3. INSPIN hendaklah mengemukakan cadangan kepada Kerajaan Negeri agar dapat mempertimbangkan latihan di peringkat Jabatan/Agensi Negeri dilaksanakan melalui kerjasama dengan INSPIN.

PERBADANAN KEMAJUAN NEGERI KEDAH

4. KEDAH INFORMATION TECHNOLOGY SDN. BHD.

4.1. LATAR BELAKANG

4.1.1. Kedah-ISR Technology Sdn. Bhd. ditubuhkan pada 6 April 1995 di bawah Akta Syarikat 1965. Ia merupakan syarikat milik penuh Kulim Technology Park Corporation Sdn. Bhd. dengan modal dibenarkan RM10 juta dan modal berbayar RM1 juta. Syarikat ini berstatus dormant dari tahun 1996 hingga tahun 2008. Pada 3 Februari 2009, syarikat telah menukar nama kepada Kedah Information Technology Sdn.Bhd. (Kedah-IT). Visi utama Kedah-IT adalah menjadi pilihan utama sektor awam dan sektor swasta bagi Teknologi Maklumat dan Komunikasi (ICT). Manakala misi Kedah-IT menyediakan perkhidmatan ICT yang berkualiti untuk pelanggan dan komited dalam pembangunan komuniti di Negeri Kedah melalui kesedaran pendidikan ICT.

4.1.2. Aktiviti utama Kedah-IT adalah Pembangunan Perisian (*Software Solution and Consultation*), *One Stop Agency* (OSA) menara telekomunikasi dan Program Pelan Halatuju ICT Kedah (*Kedah ICT Blueprint*). Pada 14 Jun 2011, Kedah-IT dilantik oleh Kerajaan Negeri sebagai OSA pembinaan menara telekomunikasi dan audit keselamatan menara telekomunikasi Negeri Kedah Darul Aman. Peranan utama OSA menara telekomunikasi adalah bertanggungjawab bagi mengurus hal berkaitan permohonan baru menara dan struktur telekomunikasi (*new tower submission*), kerja-kerja pembaharuan permit tahunan (*permit renewal*) dan menjalankan pengauditan keselamatan menara (*safety audit tower*).

4.1.3. Lembaga Pengarah Kedah-IT dianggotai oleh 5 orang ahli Lembaga Pengarah yang dipengerusikan oleh Ahli Dewan Undangan Negeri (Alor Mengkudu) dan 4 orang ahli yang terdiri daripada Presiden *Kulim Technology Park Corporation Sdn. Bhd.* (KTPC), Pengurus Telekom Negeri Kedah, Pegawai Penerangan Wisma Darulaman dan Ahli Perniagaan. Mulai Julai tahun 2013, Lembaga Pengarah Kedah-IT dianggotai oleh 2 orang ahli Lembaga Pengarah dan dipengerusikan oleh Ketua Eksekutif Perbadanan Kemajuan Negeri Kedah (PKNK) dan ahlinya Setiausaha Pihak Berkuasa Tempatan Kulim Hi-Tech. Pengurusan Kedah-IT diketuai oleh seorang Ketua Pegawai Eksekutif dan dibantu oleh 10 orang kakitangan Syarikat.

4.2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Pengauditan ini dijalankan untuk menilai sama ada prestasi kewangan Kedah Information Technology Sdn. Bhd. adalah memuaskan, pengurusan aktiviti dan kewangan serta tadbir urus korporat telah dilaksanakan dengan teratur selaras dengan objektif penubuhannya.

4.3. SKOP DAN METODOLOGI PENGAUDITAN

Pengauditan meliputi aspek prestasi kewangan, pengurusan aktiviti, tadbir urus korporat dan pengurusan kewangan. Bagi prestasi kewangan, analisis trend dan nisbah kewangan telah dilakukan secara perbandingan terhadap Penyata Kewangan beraudit bagi tahun 2011 hingga 2013. Bagi pengurusan aktiviti dan tadbir urus korporat, semakan Audit telah dilaksanakan terhadap dokumen, fail serta rekod yang berkaitan bagi tahun 2011 hingga 2013. Selain itu, temu bual dan lawatan juga dibuat bagi mendapatkan penjelasan lanjut mengenai perkara berbangkit. Lawatan Audit telah dibuat ke menara telekomunikasi terpilih di Langkawi, Kulim, Sungai Petani dan Alor Setar.

4.4. PENEMUAN AUDIT

Pengauditan yang dijalankan dari bulan Februari sehingga Jun 2014 mendapati secara keseluruhannya, prestasi kewangan Kedah-IT bagi tahun 2011 hingga 2013 adalah kurang memuaskan kerana syarikat mencatatkan kerugian bersih selepas cukai pada tahun 2011 berjumlah RM316,036. Pada tahun 2012 dan 2013, syarikat telah mencatatkan keuntungan bersih selepas cukai masing-masing berjumlah RM368,603 dan RM5,677. Pengurusan aktiviti adalah kurang memuaskan kerana prestasi pendapatan dan keuntungan dari penjualan perisian tidak tercapai. Walau bagaimanapun, tadbir urus korporat dan pengurusan kewangan Kedah-IT adalah baik dan boleh dipertingkatkan. Di samping itu, perkara yang perlu diberi perhatian dan penambahbaikan adalah seperti berikut:

- Menara beroperasi tanpa kelulusan Pihak Berkuasa Tempatan.
- Pembinaan menara telekomunikasi tanpa kelulusan Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia.

4.4.1. Prestasi Kewangan

Bagi menilai prestasi kewangan Kedah-IT, analisis trend dan analisis nisbah kewangan telah dijalankan terhadap butiran yang ditunjukkan dalam Lembaran Imbangan serta Penyata Pendapatan bagi tahun kewangan 2011 hingga 2013. Berikut adalah hasil analisis yang telah dijalankan:

4.4.1.1. Analisis Trend

- a. Kedah-IT mencatatkan kerugian bersih selepas cukai pada tahun 2011 berjumlah RM316,036. Pada tahun 2012 dan 2013, syarikat telah mencatatkan keuntungan bersih selepas cukai masing-masing berjumlah RM368,603 dan RM5,677. Kerugian pada tahun 2011 adalah berpunca daripada kegagalan Kedah-IT mengawal perbelanjaan operasi dan pentadbiran sehingga menyebabkan pendapatan yang diperolehi tidak mampu membiayai perbelanjaan pentadbiran syarikat. Bagaimanapun pada tahun 2012 dan 2013, syarikat mencatatkan keuntungan

disebabkan peningkatan pendapatan dan hasil daripada peruntukan cukai terlebih taksir pada tahun sebelumnya. Analisis Audit pada tahun 2012 mendapati peningkatan pendapatan adalah disebabkan hasil pembaharuan permit, permohonan baru membina menara dan audit keselamatan menara berjumlah RM1.68 juta. Manakala pada tahun 2013, pendapatan berkurangan disebabkan penyusutan 62% daripada hasil pembaharuan permit berjumlah RM610,000. Kerugian terkumpul pada tahun 2011 berjumlah RM1.96 juta meningkat pada tahun 2012 dan 2013 masing-masing berjumlah RM2.14 juta dan RM2.15 juta.


- b. Pendapatan Kedah-IT terdiri daripada 2 komponen iaitu pendapatan utama dan lain-lain pendapatan. Pendapatan utama Kedah-IT sepanjang tahun 2011 hingga 2013 adalah terdiri daripada penjualan perisian (*software*), *One Stop Agency* (OSA), Pelan Tindakan OSA (OSA Blueprint), program ICT dan sewaan menara telekomunikasi. Lain-lain pendapatan adalah terdiri daripada faedah diterima dan komisen. Pendapatan utama Kedah-IT pada tahun 2011 berjumlah RM0.62 juta meningkat 192% pada tahun 2012 kepada sejumlah RM1.81 juta dan menyusut 49% pada 2013 kepada sejumlah RM0.92 juta. Secara keseluruhannya prestasi pendapatan utama Kedah-IT adalah tidak seimbang kerana pendapatan meningkat secara mendadak pada tahun 2012 dan menurun pada tahun 2013. Pendapatan pada tahun 2012 meningkat disebabkan oleh kutipan pembaharuan permit tahunan berjumlah RM1.20 juta dan audit keselamatan menara berjumlah RM0.42 juta. Pada tahun 2013, pendapatan pembaharuan permit tahunan menurun sebanyak 49% iaitu daripada RM1.20 juta kepada sejumlah RM0.61 juta. Manakala pendapatan kutipan permohonan baru menurun sebanyak 79% daripada RM63,500 kepada sejumlah RM13,500. Ini disebabkan terdapat beberapa syarikat telco yang tidak membayar pembaharuan permit tahunan dan permohonan baru melalui Kedah-IT.
- c. Perbelanjaan utama Kedah-IT terdiri daripada kos langsung operasi dan kos pentadbiran. Analisis Audit mendapati kos langsung operasi bagi tahun 2011 dan 2012 seimbang iaitu masing-masing berjumlah RM534,191 dan RM547,877 manakala pada tahun 2013 menyusut 19% iaitu berjumlah RM444,466. Penyusutan kos langsung operasi pada 2013 adalah disebabkan oleh pengurangan kos pembaharuan permit dan audit keselamatan menara. Kos pentadbiran Kedah-IT pada tahun 2011 berjumlah RM415,225 mencatatkan peningkatan 93% pada tahun 2012 iaitu sejumlah RM880,151 dan menyusut 29% pada tahun 2013 kepada sejumlah RM571,705. Analisis Audit mendapati peningkatan kos pentadbiran pada tahun 2012 adalah disebabkan peningkatan perbelanjaan diantaranya kenaikan gaji, bonus dan ex-gratia, yuran setiausaha serta kos perjalanan kakitangan.
- d. Kedudukan pendapatan dan perbelanjaan serta untung rugi Kedah-IT bagi tahun kewangan 2011 hingga 2013 adalah seperti di **Jadual 4.1**, **Carta 4.1** dan **Carta 4.2**.

Jadual 4.1
Penyata Pendapatan Dan Perbelanjaan Serta Untung Rugi
Bagi Tahun 2011 Hingga 2013

Butiran	Tahun		
	2011 (RM juta)	2012 (RM juta)	2013 (RM juta)
Pendapatan	0.62	1.81	0.92
Perbelanjaan Operasi	0.53	0.54	0.44
Untung Kasar	0.09	1.27	0.48
Lain-lain Pendapatan	0.01	0.006	0.0008
Perbelanjaan Am dan Pentadbiran	0.42	0.80	0.57
Untung/(Rugi) Sebelum Cukai	-0.32	0.47	-0.09
Cukai	-	-0.10	0.10
Untung/(Rugi) Selepas Cukai	-0.32	0.37	0.006
Kerugian Terkumpul	-1.96	-2.14	-2.15


Sumber: Penyata Kewangan Kedah-IT
 Untung/(Rugi) Terkumpul Tahun 2011 dan 2012 jumlah *restated*

Carta 4.1
Trend Kerugian Sebelum Cukai Dan Kerugian
Terkumpul Kedah-IT Bagi Tahun 2011 Hingga
2013



Sumber: Penyata Kewangan Kedah-IT

Carta 4.2
Trend Pendapatan Dan Perbelanjaan Kedah-IT
Bagi Tahun 2011 Hingga 2013



Sumber: Penyata Kewangan Kedah-IT

4.4.1.2. Analisis Nisbah Kewangan

Bagi menilai prestasi kewangan Kedah-IT, 4 analisis nisbah kewangan dijalankan terhadap butiran yang ditunjukkan dalam Lembaran Imbangan serta Penyata Pendapatan Kedah-IT bagi tahun kewangan 2011 hingga 2013. Hasil analisis nisbah kewangan adalah seperti di **Jadual 4.2**.

Jadual 4.2
Analisis Nisbah Kewangan Bagi Tahun 2011 Hingga 2013

Butiran	Tahun		
	2011	2012	2013
Nisbah Semasa	0.26:1	0.27:1	0.28:1
Margin Untung Bersih	-51%	26%	-10%
Nisbah Pulangan Ke Atas Aset	-0.87:1	0.48:1	0.007:1
Nisbah Pulangan Ke Atas Ekuiti	0.33:1	-0.32:1	-0.005:1
Nisbah Hutang	0.47	0.37	0.18
% Peningkatan/(Penurunan) Keuntungan Berkumpul	13%	9%	0.2%

Sumber: Penyata Kewangan Kedah-IT

a. Nisbah Semasa

Nisbah semasa dikira dengan membandingkan aset semasa dengan liabiliti semasa. Nisbah semasa diguna untuk menentukan sejauh mana syarikat mampu membayar hutang jangka pendek sekiranya aset semasa ditunaikan. Semakin tinggi nisbah ini, semakin baik kecairan syarikat. Kedudukan nisbah semasa pada kadar 2:1 menunjukkan syarikat berkemampuan membayar hutang. Analisis Audit mendapati nisbah semasa Kedah-IT bagi tahun kewangan 2011 hingga 2013 adalah 0.26:1, 0.27:1 dan 0.28:1. Ini menunjukkan nisbah semasa Kedah-IT kurang memuaskan kerana tidak berkemampuan untuk membayar liabiliti jangka pendek dengan menggunakan aset semasanya bagi ketiga-tiga tahun tersebut.

b. Margin Untung Bersih

Margin untung bersih adalah pendekatan yang lazim digunakan bagi mengukur keberkesanan aktiviti utama dan keupayaan syarikat dalam menjana keuntungan. Peningkatan margin ini menunjukkan kecekapan syarikat di mana bagi setiap ringgit kenaikan pendapatan, ia memberi kesan langsung dan nilai tambah terhadap peningkatan kadar keuntungan syarikat. Analisis Audit mendapati Kedah-IT telah mengalami margin kerugian pada tahun 2011 sebanyak -51% manakala pada tahun 2012 margin keuntungan Kedah-IT sebanyak 26% dan menyusut pada tahun 2013 kepada -10%. Secara keseluruhan, margin untung bersih Kedah-IT adalah tidak memuaskan kerana pendapatan utama yang diterima tidak konsisten dan tidak mampu untuk menampung kos operasi dan pentadbiran syarikat.

c. Nisbah Pulangan Ke Atas Aset

Nisbah pulangan ke atas aset mengukur pulangan yang diperoleh oleh syarikat daripada pelaburan asetnya iaitu pulangan bersih yang diperoleh bagi setiap ringgit aset yang digunakan. Pada umumnya, nisbah yang lebih tinggi adalah lebih baik kerana ia menunjukkan syarikat semakin cekap dan produktif dalam meningkatkan keuntungan daripada penggunaan aset. Analisis Audit mendapati bagi tahun kewangan 2011, kadar pulangan ke atas aset Kedah-IT iaitu -0.87:1 atau negatif 87 sen. Bagaimanapun pada tahun 2012 kadar ini meningkat kepada 48 sen atau 0.48:1

dan menyusut kepada 0.007:1 pada tahun 2013. Keadaan ini menunjukkan Kedah-IT tidak proaktif dan tidak cekap dalam menguruskan sepenuhnya aset yang dimiliki bagi menjana pendapatan operasi syarikat.

d. Nisbah Pulangan Ke Atas Ekuiti

Nisbah Pulangan Ke Atas Ekuiti mengukur pulangan ke atas jumlah modal syarikat yang dilaburkan iaitu pulangan bersih yang diperoleh bagi setiap ringgit modal yang digunakan. Pada umumnya, semakin tinggi nisbah semakin baik kerana ia menggambarkan syarikat lebih berupaya menghasilkan keuntungan yang lebih tinggi kepada pemiliknya. Analisis Audit mendapati kadar pulangan atas ekuiti Kedah-IT pada tahun 2011 adalah memuaskan kerana Kedah-IT memperolehi pulangan pada kadar 0.33:1. Bagaimanapun pada tahun 2012 dan 2013, kadar pulangan atas ekuiti menyusut kepada -0.32:1 dan -0.005:1. Keadaan ini menunjukkan Kedah-IT tidak cekap dalam menguruskan modal yang dilaburkan bagi memperoleh pulangan hasil yang tinggi. Kerugian ini menyebabkan ekuiti pemegang saham Kedah-IT telah menyusut kepada negatif RM2.15 juta pada tahun 2013 daripada RM1 juta modal yang diterbitkan.

e. Nisbah Hutang

Nisbah hutang merupakan pecahan daripada jumlah aset yang dibiayai oleh pemuitang untuk menjana keuntungan. Ia juga digunakan untuk mengukur kemampuan syarikat memenuhi obligasi kepada pemuitang. Nisbah hutang kurang daripada 100% dianggap memuaskan. Analisis nisbah hutang Kedah-IT bagi tahun 2011 hingga 2013 adalah memuaskan. Kadar nisbah hutang bagi tahun 2011 hingga 2013 masing-masing adalah 0.47, 0.37 dan 0.18. Ini menunjukkan syarikat dalam keadaan baik dan tidak bergantung pada pembiayaan luar dan aset sedia ada mampu digunakan untuk menyelesaikan hutang.

Pada pendapat Audit, secara keseluruhan prestasi kewangan Kedah-IT adalah kurang memuaskan kerana mengalami kerugian selepas cukai bagi tahun 2011 berjumlah RM316,036 dan keuntungan selepas cukai pada tahun 2012 dan 2013 masing-masing berjumlah RM368,603 dan RM5,677. Selain itu juga, kerugian terkumpul Kedah-IT semakin meningkat bagi tahun 2011 hingga 2013 masing-masing berjumlah RM1.96 juta, RM2.14 juta dan RM2.15 juta. Ahli Lembaga Pengarah Kedah-IT perlu sentiasa memantau prestasi kewangan syarikat dan berusaha mengukuhkan kedudukan kewangan syarikat ini.

4.4.2. Pengurusan Aktiviti

Aktiviti utama Kedah-IT adalah pembangunan perisian (*Software Solution and Consultation*), *One Stop Agency* (OSA) bagi menara telekomunikasi dan Pelan Halatuju ICT Kedah (*ICT blueprint*). Bagaimanapun Pelan Halatuju ICT Kedah telah ditamatkan pada 2013.

Pengauditan yang dijalankan terhadap pengurusan aktiviti utama adalah seperti di perenggan berikut:

4.4.2.1. Prestasi Aktiviti Pembangunan Perisian

Pembangunan perisian adalah merupakan aktiviti utama Kedah-IT selaras dengan objektif penubuhannya. Pada tahun 2011 sehingga 2013, sebanyak 17 perisian telah dibangunkan. Daripada jumlah tersebut, 11 perisian dibangunkan secara in-house dan 6 perisian adalah secara outsource. Daripada 17 perisian yang dibangunkan hanya 7 perisian dapat dijual dan digunakan. Sejumlah 7 perisian tidak dapat dijual, satu perisian tiada perundingan dan 2 perisian gagal semasa dibangunkan iaitu Projek Peti Besi (UPNM) yang dijalankan secara kerjasama dengan Kementerian Pertahanan dan MyKedah (Projek ICT Blueprint MSC Kedah) yang dijalankan secara kerjasama dengan Ethical Hub Sdn. Bhd. Perisian yang dibangunkan sepanjang tahun 2011 sehingga 2013 adalah seperti di **Jadual 4.3**.

Jadual 4.3
Perisian Yang Dibangunkan Sepanjang Tahun 2011 Sehingga 2013

Bil.	Perisian (<i>Software</i>) Yang Dibangunkan	Status	Bil.	Perisian Daripada Sumber Luar (<i>Outsource</i>)	Status
Tahun 2011					
1.	OSA System (New Submission) Internal Development	Kegunaan Kedah- IT	1.	One-HR System (Outsource: Imaginix One-HR Sdn. Bhd)	Dijual
2.	E-Illmu System : Internal Development	Tidak Dijual	2.	Sistem e-Prestasi (Internal – Outsource Programmer)	Dijual
			3.	Kiosk for E-Muzium (Outsource & Internal Content)	Dijual
Tahun 2012					
-	E-Illmu System :	Penambahbaikan	4.	Finger Print Attended Device (Outsource)	Dijual
3.	Golf Membership System (Internal Development)	Percuma	5.	Sistem e-Perlancongan Negeri Kedah (Outsource)	Tidak Dijual
4.	Sistem Pemantauan Projek	Tidak Dijual			
5.	Projek Peti Besi (UPNM) Kerjasama Dengan Kementerian Pertahanan.	Gagal			
6.	MyKedah (Projek ICT Blueprint MSC Kedah) Kerjasama Dengan Ethical Hub Sdn. Bhd.	Gagal			
Tahun 2013					
7.	E-Aduan	Tidak Dijual	6.	Purchasing System (Outsource)	Tidak Dijual
-	OSA System	Penambahbaikan			
8.	PBT Software Development (E-Taksiran)	Tidak Dijual			
9.	KPI Dashboard System	Tiada Perundingan			
10.	One HR System	Tidak Dijual			
11.	Kedah Tourism Portal (Phase 1) Internal Development	Dijual			

Sumber: Laporan Unit Aplikasi Perisian dan Senarai Perisian Kedah-IT

- a. Pada tahun 2011, Kedah-IT berjaya menjual 3 perisian iaitu Sistem One-HR, Sistem e-Prestasi Kiosk dan E-Muzium. Sistem OSA (Permohonan Baru) dibangunkan untuk kegunaan Kedah-IT. Daripada 4 perisian tersebut, 3 perisian dibangunkan secara *outsource*. Pada tahun 2012, Kedah-IT telah membangunkan Sistem Golf Membership, bagaimanapun sistem tersebut diberi secara percuma kepada Kulim Golf & Country Resort. Perisian *Finger Print Attended Device* daripada sumber *outsource* telah berjaya dijual kepada KTPC. Pada tahun 2013, Kedah-IT telah membangunkan *Kedah Tourism Portal (Phase 1)* dan dijual kepada Kerajaan Negeri Kedah (UPEN). Semakan Audit mendapati perisian yang dijual kebanyakan adalah daripada sumber *outsource* berjumlah RM483,037 berbanding pembangunan secara dalaman berjumlah RM19,990. Perisian yang dibangunkan secara *in-house* dan *outsource* telah dijual bagi tahun 2011 sehingga 2013 seperti di **Jadual 4.4**.

Jadual 4.4

Penjualan Perisian Yang Dibangunkan Secara *In-House* dan *Outsource* Bagi Tahun 2011 Sehingga 2013

Tahun	<i>In-House</i>	Harga Jualan (RM)	<i>Outsource</i>	Harga Jualan (RM)
2011	OSA System (New Submission) Internal Development Pelanggan : Kedah Information Technology Park Sdn. Bhd.	Tiada (Kegunaan Kedah-IT)	One-HR System (Oursource: Imaginix One-HR Sdn. Bhd.) Pelanggan: Kulim Technology Park Corporation Sdn. Bhd.	378,250
			Sistem e-Prestasi (Outsource Programmer) Pelanggan: Kerajaan Negeri Kedah (UPEN)	19,900
			Kiosk for E-Muzium (Outsource & Internal Content) Pelanggan: Muzium Negeri Kedah	55,000
2012	Golf Membership System (Internal Development) Pelanggan: Kulim Golf & Country Resort	Percuma	Finger Print Attended Device Pelanggan : Kulim Technology Park Corporation Sdn. Bhd.	29,887
2013	Kedah Tourism Portal (Phase 1) Internal Development Pelanggan: Kerajaan Negeri Kedah (UPEN)	19,990		
Jumlah		19,990		483,037

Sumber: Laporan Unit Aplikasi Perisian & Perisian Kedah-IT

- b. Pada tahun 2014, sebanyak 5 perisian telah dibangunkan dan sasaran agensi dikenalpasti adalah seperti di **Jadual 4.5**.

Jadual 4.5**Sasaran Penjualan Perisian Bagi Tahun 2014**

Bil.	Perisian	Sasaran Pelanggan/ Agensi
1.	Sistem e-Aduan Kedah	Kerajaan Negeri Kedah
2.	Sistem Portal Tourism Kedah	Kerajaan Negeri Kedah
3.	Sistem e-Kuliah	Kerajaan Negeri Kedah
4.	Sistem OSA	Pulau Pinang, Terengganu, Kelantan dan Negeri Sembilan
5.	One HR System	Anak Syarikat Kerajaan Negeri Kedah

Sumber: Laporan Unit Aplikasi Perisian & Senarai Perisian Kedah-IT

c. Sasaran Pendapatan Dan Keuntungan Tidak Tercapai

Bagi tahun 2011 hingga 2013, Kedah-IT mensasarkan pendapatan operasi penjualan perisian di antara RM259,250 hingga RM470,000. Manakala keuntungan disasarkan berjumlah RM105,500 hingga RM271,250 bagi ketiga-tiga tahun tersebut. Semakan Audit mendapati pendapatan yang diperolehi pada tahun 2011 melebihi sasaran berjumlah RM201,600. Ini adalah kerana pendapatan diperolehi daripada jualan Sistem One-HR, Sistem e-Prestasi dan Kiosk E-Muzium. Bagaimanapun pada tahun 2012 dan 2013, pendapatan yang diperolehi kurang dari sasaran yang ditetapkan iaitu kurang 94% dan 85% masing-masing berjumlah RM440,113 dan RM253,610. Keuntungan yang diperolehi pada tahun 2011 berjumlah RM9,144 berbanding sasaran berjumlah RM105,500. Pada tahun 2012 dan 2013, Kedah-IT menanggung kerugian bagi operasi perisian masing-masing berjumlah RM29,289 dan RM13,384 disebabkan tumpuan diberikan kepada aktiviti audit keselamatan menara dan pembaharuan permit tahunan. Butiran lanjut seperti di **Jadual 4.6**.

Jadual 4.6**Pencapaian Pendapatan dan Perbelanjaan Berbanding Sasaran Operasi Perisian Bagi Tahun 2011 Sehingga 2013**

Butiran	Tahun 2011			Tahun 2012			Tahun 2013		
	Sasaran (RM)	Sebenar (RM)	Beza (RM)	Sasaran (RM)	Sebenar (RM)	Beza (RM)	Sasaran (RM)	Sebenar (RM)	Beza (RM)
Pendapatan	259,250	460,850	201,600	470,000	29,887	-440,113	300,000	46,390*	-253,610
Perbelanjaan	153,750	451,706	297,956	249,000	59,176	-189,824	28,750	59,774	31,024
Keuntungan/ (Kerugian)	105,500	9,144	(96,356)	221,000	(29,289)	(250,289)	271,250	(13,384)	(284,634)

Sumber: Penyata Pendapatan dan Untung Rugi Kedah-IT

Nota: * Jumlah ini termasuk kos penyelenggaraan *One-HR System* berjumlah RM26,400

4.4.2.2. One Stop Agency (OSA) Menara Telekomunikasi

Peranan utama Kedah-IT sebagai OSA menara telekomunikasi adalah bertanggungjawab bagi menguruskan hal berkaitan permohonan baru menara dan struktur telekomunikasi (*new tower submission*), pembaharuan permit tahunan (*permit renewal*) dan kerja-kerja audit keselamatan menara (*safety audit tower*) telekomunikasi di Negeri Kedah. Semakan Audit mendapati beberapa perkara berikut:

a. Pembaharuan Permit Tanpa Melalui Kedah-IT

Setiap menara telekomunikasi yang mendapat kelulusan Permit Sementara Menara Telekomunikasi daripada PBT dikehendaki memperbaharui permit tahunan pada 1 Januari setiap tahun. Melalui OSA Menara Telekomunikasi, semua pemilik menara perlu membayar pembaharuan permit tahunan berjumlah RM1,500 dan yuran OSA RM1,500 melalui Kedah-IT. Semakan Audit mendapati pada tahun 2012 dan 2013 Sapura Research Sdn. Bhd., Celcom Axiata Sdn. Bhd., YTL Communication Sdn. Bhd., dan Yiked Bina Sdn. Bhd. tidak membayar pembaharuan permit melalui Kedah-IT masing-masing berjumlah RM264,000 dan RM436,500 seperti di **Jadual 4.7**. Syarikat tersebut telah membuat pembayaran terus kepada PBT tanpa melalui Kedah-IT sebagai OSA.

Jadual 4.7
Pembaharuan Permit Tanpa Melalui Kedah-IT

Telco	Tahun	
	2012 (RM)	2013 (RM)
Sapura Research Sdn. Bhd.	15,000	-
Celcom Axiata Sdn. Bhd	-	184,500
YTL Communication Sdn. Bhd.	-	138,000
Yiked Bina Sdn. Bhd	249,000	114,000
Jumlah	264,000	436,500

Sumber: Rekod Kedah-IT

b. Menara Beroperasi Tanpa Kelulusan

Mengikut Seksyen 70 (1), Akta 133, Akta Jalan, Parit Dan Bangunan 1974, Bahagian V Bangunan, tiada seorang pun boleh mendirikan sesuatu bangunan tanpa mendapat kebenaran bertulis terlebih dahulu daripada Pihak Berkuasa Tempatan atau permohonan dibuat tetapi tidak diluluskan oleh Jabatan Teknikal berkaitan. Semakan Audit terhadap senarai menara Kedah-IT dan senarai menara 11 daerah PBT mendapati sejumlah 189 menara yang dibina di daerah PBT berkenaan beroperasi tanpa kelulusan. Akibat daripada wujudnya menara tidak sah ini, Kedah-IT dianggarkan tidak dapat memperoleh hasil bayaran caj kos pembaharuan permit berjumlah RM283,500 pada setiap tahun dengan kadar RM1,500 bagi setiap satu menara. Bilangan menara yang beroperasi tanpa kelulusan mengikut daerah adalah seperti **Jadual 4.8**, **Jadual 4.9** dan **Gambar 4.1** hingga **Gambar 4.4**.

Jadual 4.8
Menara Beroperasi Tanpa Kelulusan

Bil.	Daerah	Bilangan Menara Tidak Sah Beroperasi	Celcom	Digi	Maxis	STM	Yiked Bina	YTL	P1	Sapura
1.	Sungai Petani	106	4	9	7	10	42	18	16	-
2.	Kubang Pasu	22	9	-	-	1	12	-	-	-
3.	Baling	29	6	1	-	1	21	-	-	-
4.	Bandar Baharu	3	-	1	-	-	2	-	-	-
5.	Sik	4	-	-	1	-	3	-	-	-
6.	Padang Terap	-	-	-	-	-	-	-	-	-
7.	Langkawi	11	6	-	-	-	2	3	-	-
8.	Alor Star	T.M	-	-	-	-	-	-	-	-
9.	Kulim	13	-	10	-	2	1	-	-	-
10.	Kulim Hitech	1	-	-	-	-	-	-	1	-
11.	Yan	TK	-	-	-	-	-	-	-	-
Jumlah		189	25	21	8	14	83	21	17	-


Sumber: Senarai Kedah-IT Dan PBT, TM: Tiada Maklumat, TK: Tiada Kes

Jadual 4.9
Sampel Menara Beroperasi Tanpa Kelulusan

Bil.	Lokasi Menara	Jenis Menara	Pemilik
1.	Lot 1248, No.188 Persiaran Bandar Baru Mergong	Roof Top	Maxis
2.	Taman Desa Karmila	Roof Top	P1
3.	Stesen Keretapi Jalan Langgar	Menara 4 Legged	YTL Communication Sdn. Bhd.
4.	Menara Alor Setar Lot 99, Lebuhraya Darul Aman	Struktur Telekomunikasi	Telekom Malaysia

Sumber: Rekod Kedah-IT

Gambar 4.1
Menara Jenis Roof Top
Maxis Broadband



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Lot 188 Persiaran Bandar Baru Mergong
Tarikh: 8 April 2014

Gambar 4.2
Menara Jenis Roof Top
Packet One



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Taman Desa Karmila
Tarikh: 8 April 2014

Gambar 4.3
Menara Jenis 4 Legged
YTL Communication Sdn. Bhd.



Sumber: Jabatan Audit Negara
 Lokasi: Stesen Keretapi Jalan Langgar
 Tarikh: 8 April 2014

Gambar 4.4
Struktur Telekomunikasi
Di Atas Menara Telekom



Sumber: Jabatan Audit Negara
 Lokasi: Menara Alor Setar, Lebuhraya Darul Aman
 Tarikh: 6 Jun 2014

c. Audit Keselamatan Terhadap Menara Telekomunikasi Yang Tidak Sah Beroperasi

Berdasarkan perenggan 5(2) Garis Panduan Pembinaan Menara Dan Struktur Sistem Pemancar Telekomunikasi, pemeriksaan berjadual hendaklah dilaksanakan secara berkala, tidak kurang daripada sekali dalam setiap 12 bulan dari tarikh kesempurnaan dikeluarkan oleh PBT. Juruperunding bebas yang bertauliah akan melakukan pemeriksaan berjadual ke atas semua struktur, sistem pendawaian elektrik dan juga sistem pencegahan kebakaran aktif untuk memastikan kestabilan struktur sedia ada serta keselamatan pengguna yang menggunakan bangunan sedia ada. Sehubungan dengan perkara tersebut, Kedah-IT sebagai OSA Audit Keselamatan Menara Telekomunikasi diberi kelonggaran melalui minit yang dikeluarkan oleh Mesyuarat Jawatankuasa Infra dan Jalur Lebar Negeri Kedah Bil.4/2012 untuk mengaudit menara telekomunikasi 2 tahun sekali. Pemeriksaan berjadual ke atas semua struktur telekomunikasi oleh Kedah-IT menumpukan terhadap kestabilan struktur sedia ada. Kedah-IT telah melantik syarikat MNF Global Sdn. Bhd. sebagai syarikat yang bertanggungjawab menjalankan auditan keselamatan menara telekomunikasi bagi seluruh negeri Kedah pada tahun 2012. Manakala pada tahun 2014, dua buah syarikat iaitu MNF Global Sdn. Bhd. (MNF) dan Mirtech Niaga Sdn. Bhd. (Mirtech) telah dilantik. Auditan keselamatan pada tahun 2012 telah selesai dijalankan pada Ogos 2012. Berdasarkan rekod bahagian kewangan Kedah-IT sejumlah 617 buah menara telekomunikasi telah diaudit oleh MNF. Bayaran berjumlah RM1,000 dikenakan kepada syarikat telekomunikasi bagi setiap menara yang diaudit. Daripada jumlah tersebut, RM600 dibayar kepada MNF. Semakan Audit terhadap menara telekomunikasi di dua daerah iaitu Sungai Petani dan Kubang Pasu, mendapati MNF juga telah mengaudit sejumlah 43 buah menara telekomunikasi yang beroperasi tanpa kelulusan. Implikasinya, Kedah-IT terpaksa menanggung kos pengauditan berjumlah RM25,800 untuk dibayar kepada MNF kerana bayaran ini tidak dapat dituntut daripada syarikat telco. Senarai menara telekomunikasi tidak sah beroperasi

yang diaudit bagi daerah Sungai Petani dan Kubang Pasu adalah seperti di **Jadual 4.10. Berdasarkan maklum balas Kedah-IT bertarikh 05 dan 07 Ogos 2014, keseluruhan menara yang diaudit oleh MNF Sdn. Bhd. di Negeri Kedah adalah berjumlah 617 buah, manakala menara yang tidak sah operasi yang telah diaudit adalah berjumlah 137 buah menara. Kos yang terpaksa ditanggung oleh Kedah-IT berjumlah RM82,200 tetapi selepas pengurangan kos yang dipersetujui oleh MNF Sdn. Bhd., kos sebenar yang ditanggung berjumlah RM24,360. Di samping itu, mengikut minit Mesyuarat Jawatankuasa Infra dan Jalur Lebar Negeri Kedah Bil. 1/2013 pada 03 Julai 2013, mesyuarat mengambil maklum Yiked Bina dan YTL (1BestariNet) telah melaksanakan sendiri Audit Keselamatan dengan melantik konsultan masing-masing.**

Jadual 4.10

Menara Telekomunikasi Tidak Sah Beroperasi Yang Diaudit Bagi Daerah Sungai Petani dan Daerah Kubang Pasu

Daerah	Bilangan Telco							Jumlah
	Celcom	Digi	Maxis	Telekom	YTL	P1	Yiked Bina	
Kubang Pasu	9	-	-	-	-	-	2	11
Sungai Petani	4	4	4	4	11	3	2	32
Jumlah	13	4	4	4	11	3	4	43

Sumber: Senarai Kedah Information Technology Sdn. Bhd. dan Pihak Berkuasa Tempatan

i. Tunggakan Bayaran Audit Keselamatan Kepada MNF Global Sdn. Bhd.

MNF Sdn. Bhd. telah selesai menjalankan pengauditan terhadap 241 buah menara telekomunikasi bagi tahun 2012. Semakan terhadap lejar setakat 31 April 2014 mendapati Kedah-IT masih belum membayar kepada MNF sejumlah RM144,600 seperti di **Jadual 4.11. Berdasarkan maklum balas Kedah-IT bertarikh 05 Ogos 2014, daripada jumlah tunggakan berjumlah RM144,600, Kedah-IT telah mendapat persetujuan bersama MNF Sdn. Bhd. bahawa sebanyak RM57,840 ditolak berikutan terdapat 137 tapak menara yang diaudit tiada kelulusan sah operasi. Baki yang perlu diselesaikan adalah berjumlah RM86,760. Kedah-IT masih dalam proses mengutip hutang tertunggak dari syarikat-syarikat telco bagi audit keselamatan yang berjumlah RM94,000. Baki tunggakan bayaran akan dijelaskan sebaik sahaja bayaran diterima daripada pihak telco.**

Jadual 4.11**Tunggakan Bayaran Audit Kepada MNF Global Sdn. Bhd.**

Bil.	No. Invois (MNF)	Tarikh Invois	Amaun (RM)	Tarikh Bayar	Tarikh Patut Bayar	Catatan
1.	0002485	30.11.2012	27,000	-	14.01.2013	Belum bayar hingga tarikh Auditan pada 30 April 2014
2.	0002486	30.11.2012	54,600	-	14.01.2013	
3.	0002487	30.11.2012	32,400	-	14.01.2013	
4.	0002488	31.12.2012	9,000	-	14.01.2013	
5.	0002640	23.9.2013	21,600	-	05.11.2013	
Jumlah			144,600			

Sumber: Rekod Kedah Information Technology Sdn.Bhd.

4.4.2.3. Menara Telekomunikasi Di Surau Al Hidayah

Satu perjanjian usahasama telah ditandatangani antara Kedah-IT dengan KP Mutiara Sdn. Bhd. pada 31 Mac 2010 untuk pembinaan menara telekomunikasi bertempat di Surau Al Hidayah, Bandar Puteri Jaya Sungai Petani. Pelaburan awal bagi pembinaan menara adalah berjumlah RM100,000. Kedah-IT menyumbang sejumlah RM10,000 dan KPM sejumlah RM90,000 dengan pegangan saham masing-masing 10% dan 90%. Mengikut perjanjian yang telah dipersetujui menara tersebut adalah milik KP Mutiara Sdn. Bhd..

a. Pembinaan Menara Telekomunikasi Tanpa Kelulusan Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia

Seksyen 30, 126, dan 281 Akta Komunikasi dan Multimedia 1998 menetapkan syarat utama untuk membina menara telekomunikasi ialah perlu mempunyai lesen *Network Facility Provider (NFP)* yang berdaftar dengan Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM). Semakan Audit mendapati menara tersebut dibina tanpa kelulusan SKMM kerana KPM tidak tersenarai sebagai syarikat yang berdaftar dan memiliki lesen NFP melalui Senarai Berdaftar Lesen NFP yang dikeluarkan oleh SKMM.

b. Pembinaan Menara Telekomunikasi Tanpa Mendapat Kebenaran Merancang

Menurut Seksyen 20 Akta Perancang Bandar dan Desa 1976 (Akta 172), tiada pemaju atau pemberi kemudahan rangkaian boleh memulakan atau menjalankan sebarang pembinaan atau struktur sistem pemancar telekomunikasi tanpa mendapat kebenaran merancang. Selain itu, mengikut Seksyen 13 Undang-Undang Kecil Bangunan Seragam 1984, kebenaran khas secara bertulis daripada Majlis perlu diperolehi terlebih dahulu sebelum memulakan kerja bangunan. Pemaju yang tidak mematuhi akta ini boleh dikenakan kenan fee sebanyak 20 kali ganda daripada bayaran hasil pelan. Semakan Audit mendapati Kedah-IT tidak mengemukakan permohonan Kebenaran Merancang kepada Majlis Perbandaran Sungai Petani (MPSPK) bagi pembinaan menara di kawasan Surau Al Hidayah. Semakan Audit

selanjutnya di MPSPK mendapati, berdasarkan surat Bil.(03)dlm.MPSPK(IP)B.7/2010 C 'KIT' bertarikh 08 Julai 2010, pihak majlis masih belum menerima apa-apa permohonan daripada Kedah-IT berkenaan pembinaan menara tersebut. Sehubungan dengan itu, Notis 095/10 (menurut pemberian seksyen 72) bertarikh pada 25 Mei 2010 telah dikeluarkan kepada Pengerusi Jawatankuasa Surau Al Hidayah bagi menghentikan pembinaan menara serta-merta dan merobohkan menara tersebut dalam tempoh 7 hari. Notis tersebut juga menyatakan kegagalan mematuhi kehendak notis adalah satu kesalahan dan apabila disabitkan boleh didenda sebanyak tidak lebih dari RM250 bagi tiap-tiap sehari kesalahan itu diteruskan. Mengikut perkiraan Audit, dari tempoh notis sehingga 17 April 2014, Kedah-IT boleh dikenakan denda sebanyak RM355,500 kerana telah melanggar peraturan yang ditetapkan. **Berdasarkan maklum balas Kedah-IT bertarikh 05 Ogos 2014, Kedah-IT tidak mendapat maklumat mengenai Notis 095/10 bertarikh 25 Mei 2010 yang telah dikeluarkan kepada Pengerusi Jawatankuasa Surau Al Hidayah bagi menghentikan pembinaan menara serta merta. Pada mesyuarat Ahli Lembaga Pengarah pada 4 Mac 2014, Lembaga Pengarah memutuskan Kedah-IT perlu menghentikan segala aktiviti berkenaan menara ini memandangkan menara ini beroperasi tanpa kelulusan Pihak Berkuasa Tempatan. Lanjutan dari keputusan tersebut, Kedah-IT telah berbincang dengan KP Mutiara Sdn. Bhd. dan KP Mutiara Sdn. Bhd. bersetuju untuk mengambil alih urusan berkaitan menara. Novation Agreement antara semua pihak yang berkaitan telah ditandatangani berkuatkuasa pada 1 Mei 2014. Sehubungan dengan itu, Kedah-IT tidak lagi bertanggungjawab dan mempunyai apa-apa kepentingan ke atas menara tersebut.**

Pada pendapat Audit pengurusan aktiviti Kedah-IT adalah kurang memuaskan. Kedah-IT perlu meningkatkan usaha bagi memastikan sasaran pendapatan dan keuntungan perisian tercapai seiring dengan objektif penubuhannya. Kerjasama dengan Pihak Berkuasa Tempatan hendaklah selaras dengan mandat yang diberikan bagi memastikan permohonan menara baru dan struktur telekomunikasi serta pembaharuan permit dibuat melalui Kedah-IT. Tindakan proaktif hendaklah diambil bagi memastikan hasil diperolehi bagi setiap menara yang beroperasi. Sebagai OSA menara telekomunikasi Kedah IT bertanggungjawab memastikan peraturan-peraturan yang berkuatkuasa dipatuhi.

4.4.3. Tadbir Urus Korporat

Tadbir urus korporat merujuk kepada proses yang digunakan untuk mentadbir, mengurus dan mengawal syarikat. Ia merangkumi dasar, undang-undang dan peraturan, sistem dan prosedur, kawalan pengurusan syarikat serta pengurusan risiko. Tadbir urus korporat yang baik dapat membantu syarikat mempertingkatkan kecekapan dalam mencapai objektifnya serta membolehkan operasi syarikat diurus dengan sempurna, telus dan bertanggungjawab. Semakan Audit mendapati tadbir urus korporat Kedah-IT adalah memuaskan. Bagaimanapun, terdapat beberapa kelemahan dalam tadbir urus korporat dan pengurusan

kewangan yang memerlukan Kedah-IT mengambil tindakan pembetulan dan penambahbaikan supaya tidak berulang pada masa hadapan. Antaranya seperti berikut:

4.4.3.1. Pelantikan Pengerusi Syarikat

Amalan Terbaik di dalam Buku Hijau Para 1.1.3, menetapkan Pengerusi yang dilantik hendaklah tidak dibayar elaun tetap sekiranya beliau juga adalah Pengerusi Syarikat Induk. Di samping itu, Pengerusi hendaklah tidak mempunyai kuasa eksekutif dan tidak terlibat dalam operasi harian syarikat. Semakan Audit mendapati Pengerusi yang dilantik di Kedah-IT tidak dibayar elaun tetap dan tidak mempunyai kuasa eksekutif dalam operasi harian syarikat.

4.4.3.2. Pelantikan Ahli Lembaga Pengarah

Mengikut amalan terbaik, pelantikan Lembaga Pengarah Syarikat Subsidiari hendaklah diluluskan oleh Lembaga Pengarah Syarikat Induk. Selain itu, ahli lembaga pengarah hendaklah terdiri daripada mereka yang bukan daripada pihak pengurusan syarikat tetapi dilantik atas kepakaran dan pengalaman dalam bidang tertentu. Mengikut Akta Syarikat 1965, Lembaga Pengarah perlu bertanggungjawab dan berkuasa penuh dalam membuat dan melaksanakan dasar, perancangan korporat dan pengurusan kewangan yang diluluskan selaras dengan objektif penubuhannya. Bagi merealisasikan perkara tersebut, Lembaga Pengarah hendaklah bermesyuarat secara berkala dan teratur. Semakan Audit adalah seperti berikut:

- a. Bilangan keahlian Lembaga Pengarah Kedah-IT bagi tahun 2011 sehingga Mei 2013 adalah seramai 5 orang. Manakala bagi tempoh Jun 2013 sehingga kini, bilangan keahlian adalah 2 orang. Keanggotaan Ahli Lembaga Pengarah Kedah-IT adalah terdiri daripada ahli politik, wakil KTPC, wakil kerajaan Negeri dan ahli perniagaan.
- b. Mengikut amalan terbaik, Lembaga Pengarah perlulah bermesyuarat sekurang-kurangnya 4 kali dalam setahun. Bagi tahun 2011, mesyuarat Ahli Lembaga Pengarah Kedah-IT telah diadakan sebanyak 4 kali, pada tahun 2012 sebanyak 3 kali dan tahun 2013 sebanyak 2 kali.

4.4.3.3. Ketua Pegawai Eksekutif

Mengikut amalan terbaik, pelantikan Ketua Eksekutif syarikat subsidiari hendaklah mendapat kelulusan ahli Lembaga Pengarah Syarikat Induk atau Badan Berkanun. Berdasarkan carta organisasi Kedah-IT, jawatan tertinggi di Kedah-IT adalah jawatan Ketua Pegawai Eksekutif (KPE). Semakan Audit mendapati urusan operasi syarikat bagi tahun 2011 hingga Jun 2013 dilaksanakan oleh Ketua Pegawai Eksekutif yang dilantik iaitu Encik Yusrin Zakri bin Adnan. Mulai Julai 2013, Ketua Pegawai Eksekutif telah meletak jawatan dan jawatan KPE dipangku oleh Pengurus Besar iaitu Encik Ghazali bin Ahmad.

4.4.3.4. Unit Audit Dalam

Audit dalaman merupakan satu fungsi bebas yang memberi kepastian dan khidmat perundingan secara objektif untuk menambah nilai dan mempertingkatkan tahap operasi organisasi. Objektif Unit Audit Dalam adalah untuk membantu sesebuah organisasi mencapai matlamatnya melalui pendekatan yang sistematik dan berdisplin untuk menilai dan menentukan keberkesanan semua proses kawalan dan tadbir urus. Semakan Audit mendapati Kedah-IT tidak menubuhkan Unit Audit Dalam kerana syarikat ini merupakan sebuah agensi yang kecil. Namun begitu, bagi memastikan wujudnya *check and balance* dalam pengurusan kewangan, Kedah-IT diaudit oleh Unit Audit Dalam KTPC dan Unit Audit Dalam PKNK (Syarikat Induk) yang bertanggungjawab terhadap anak syarikat subsidiari. UAD KTPC telah menjalankan pengauditan dalamannya pada Disember 2013 dan telah mengeluarkan laporan Audit Dalaman.

4.4.3.5. Jawatankuasa Audit Dan Pemeriksaan

Mengikut amalan terbaik, setiap syarikat Kerajaan perlu menubuhkan Jawatankuasa Audit Dan Pemeriksaan sejajar dengan usaha untuk meningkatkan kawalan dalaman yang berkesan terhadap pengurusan syarikat agar kepentingan Kerajaan sebagai pemegang saham dapat dipelihara. Semakan Audit mendapati Kedah-IT tidak menubuhkan jawatankuasa tersebut. Walaubagaimanapun pihak Kedah-IT boleh membincangkan isu-isu berkaitan pengauditan di dalam mesyuarat Jawatankuasa Audit Dan Pemeriksaan badan induk.

4.4.3.6. Strategi Dan Rancangan Korporat

Mengikut amalan terbaik, syarikat Kerajaan perlu menyediakan dan mengemaskinikan strategi dan rancangan korporat (SRK) sebagai wawasan syarikat bagi mencapai matlamat jangka pendek dan jangka panjang. SRK juga hendaklah selaras dengan objektif penubuhan sesebuah syarikat itu dan perlu memperincikan antaranya hala tuju, rancangan jangka pendek dan jangka panjang, petunjuk prestasi utama dan sasaran yang ditetapkan. SRK yang disediakan hendaklah diluluskan oleh Lembaga Pengarah Syarikat dan Lembaga Pengarah syarikat Induk. Semakan Audit mendapati Kedah-IT telah menyediakan SRK bagi tahun 2011 hingga 2013.

4.4.3.7. Standard Operating Procedures

Mengikut amalan terbaik, pihak pengurusan syarikat Kerajaan perlu menyediakan dan mengemas kini peraturan berkaitan perbelanjaan syarikat bagi mengurangkan kos operasi dan mengelakkan pembaziran. Semakan Audit mendapati Kedah-IT tidak mempunyai *Standard Operating Procedures (SOP)* yang lengkap kecuali *Purchase Process, Expenses Claim Process, Permit Renewal, New Submission and Safety Audit Activities for Telecommunication Towers and Structures in Kedah*. Manakala SOP yang tidak disediakan adalah berkaitan dengan pengurusan aset dan inventori, terimaan,

aktiviti *software* dan lain-lain SOP yang bersesuaian dengan aktiviti syarikat. **Berdasarkan maklum balas Kedah-IT bertarikh 05 Ogos 2014, Kedah-IT telah membuat dan menfailkan SOP berkuatkuasa 1 Januari 2014 berikutan dari teguran Audit Dalaman KTPC pada 24 Disember 2013.**

4.4.3.8. Pembayaran Dividen

Mengikut amalan terbaik, dividen dibayar sekurang-kurangnya 10% setahun sebagai pulangan modal kepada Kerajaan sebagai pemegang saham. Cadangan bayaran dividen perlu dikemukakan secara serentak dengan cadangan bayaran bonus untuk kelulusan Lembaga Pengarah Agensi Kerajaan dan Pihak Berkuasa Negeri. Semakan Audit mendapati Kedah-IT membayar dividen kepada KTPC bagi tahun 2012 sebanyak 1% iaitu berjumlah RM3,686. Dengan keuntungan syarikat berjumlah RM368,603, sepatutnya Kedah-IT perlu membayar sekurang-kurangnya RM36,860. **Berdasarkan maklum balas Kedah-IT bertarikh 05 Ogos 2014, walaupun mengalami kerugian, Mesyuarat Ahli Lembaga Pengarah pada 12 Mac 2013 telah memutuskan Kedah-IT perlu membayar dividen sebanyak 1% daripada jumlah saham iaitu RM10,000 kepada Kulim Technology Park Corporation Sdn. Bhd..**

Pada pendapat Audit, tadbir urus korporat dan pengurusan kewangan Kedah Information Technology Sdn. Bhd. adalah baik dan boleh dipertingkatkan. Kedah Information Technology Sdn. Bhd. hendaklah mengambil tindakan pembetulan dan penambahbaikan segera supaya ketidakpatuhan yang berbangkit tidak berlaku pada masa akan datang. Kedah Information Technology Sdn. Bhd. perlu mematuhi semua peraturan dan pekeliling yang berkaitan dengan tadbir urus korporat serta menerima pakai amalan terbaik Kod Tadbir Urus Korporat Malaysia (Semakan 2007).

4.5. SYOR AUDIT

Bagi mempertingkatkan prestasi kewangan, pengurusan aktiviti, pengurusan kewangan dan tadbir urus korporat syarikat, Kedah Information Technology Sdn. Bhd. (Kedah-IT) disyor mengambil tindakan seperti berikut:

4.5.1. Kedah-IT hendaklah memperkukuhkan prestasi kewangan dengan menjalankan promosi lebih agresif di bidang pemasaran produknya.

4.5.2. Memperkemaskan tadbir urus korporat syarikat dengan menjadikan Kod Tadbir Urus Korporat Malaysia sebagai amalan terbaik bagi menjaga kepentingan Kedah-IT dan Perbadanan Kemajuan Negeri Kedah serta menyediakan Rancangan Korporat berserta petunjuk prestasi utama sebagai panduan ke arah pencapaian objektif dan penetapan hala tuju syarikat.



PENUTUP

Secara keseluruhannya, pengauditan yang dijalankan mendapati wujud beberapa kelemahan dalam pelaksanaan aktiviti dari segi perancangan, pelaksanaan dan pemantauan. Antara faktor utama yang menyebabkan wujudnya kelemahan adalah kurangnya latihan kepada pegawai terlibat serta tidak ada penyeliaan yang berkesan terhadap kerja-kerja yang dilaksanakan oleh kakitangan bawahan, kontraktor dan vendor. Jika kelemahan tersebut tidak diberi perhatian yang serius dan tidak diperbetulkan, ia boleh menjejaskan pencapaian objektif aktiviti/program berkenaan serta menjejaskan imej Kerajaan Negeri dan perkhidmatan awam.

Beberapa Jabatan/Agensi Negeri yang terlibat telah mengambil tindakan pembetulan selepas mendapat teguran daripada pihak Audit, namun bagi mengelakkan kelemahan yang sama daripada berulang, langkah pembetulan perlu dibuat secara berterusan. Pegawai Pengawal yang terlibat juga perlu mengatur supaya pemeriksaan secara menyeluruh dijalankan untuk menentukan sama ada kelemahan yang sama juga berlaku di aktiviti/program lain yang tidak diaudit dan seterusnya mengambil tindakan pembetulan yang sewajarnya.

Kerajaan Negeri juga perlu memantau aktiviti syarikat miliknya untuk memastikan syarikat mewujudkan tadbir urus korporat yang baik, mematuhi undang-undang dan peraturan kerajaan, berdaya saing dan memperoleh keuntungan seterusnya berupaya membayar dividen kepada Kerajaan Negeri.

Jabatan Audit Negara

Putrajaya

14 September 2014



JABATAN AUDIT NEGARA MALAYSIA
No. 15, Aras 1-5
Persiaran Perdana, Presint 2
62518 Wilayah Persekutuan Putrajaya

www.audit.gov.my